

Siri Tokoh-tokoh Sejarah



Tun Dr. Mahathir Mohamad



e-man



Associated

Educational Distributors (M) Sdn Bhd
Melaka (92567-T)

Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
550 Taman Melaka Raya,
75000 Melaka.

© Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
Cetakan Pertama 2004

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

e-man

Tun Dr. Mahathir / e-man.

(Tokoh-tokoh sejarah)

ISBN 967-948-829-2 (set)

ISBN 967-948-837-3

1. Mahathir Bin Mohamad, Tun, 1925- 2. Prime ministers--Malaysia
--Biography. 3. Politicians--Malaysia--Biography. I. Judul.

II. Siri.

923.2595

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan
untuk pengeluaran, ditukarkan ke dalam apa bentuk sekalipun, sama ada secara
elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun
sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu daripada
Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.

Dicetak di Malaysia oleh:
Grand Art Printing & Packaging Sdn. Bhd.
31, Jalan Jasa Merdeka 1A,
Taman Datuk Tamby Chik Karim,
Batu Berendam,
75350, Melaka.

923.2595 11 MAY 2004
MAHE MAGAZINE SECTION
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 61142010

PRAKATA

Penjajahan sejak ratusan tahun telah menyebabkan Malaysia menjadi sebuah negara mundur yang sering ditindas. Walaupun pelbagai pembangunan dilakukan di negara ini, namun keterbatasan dalam memimpin negara tetap ada sehingga rakyat kekal mundur.

Menyedari hakikat itu, rakyat Malaysia mula bangkit untuk mencapai kemerdekaan. Penglahiran para pemimpin pelbagai kaum telah sama-sama menggembung tenaga untuk merealisasikan impian itu. Oleh itu muncullah pemimpin seperti Dato' Onn Jaafar dan Tun Tan Cheng Lock yang mengusulkan kemerdekaan. Kemudian tokoh-tokoh seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Siew Sin dan Tun V.T Sambanthan pula mewarisi impian tersebut sehingga Malaysia mencapai kemerdekaan.

Para pemimpin seperti Tun Abdul Razak dan Tun Hussien Onn mentadbir negara selepas mencapai kemerdekaan. Tun Dr. Mahathir Mohamad pula adalah pemimpin yang mencorak Malaysia sebagai negara maju menjelang alaf baru.

Bagi mengenang jasa para pemimpin negara, **Siri Tokoh-tokoh Sejarah** memaparkan kehidupan mereka bermula dari kecil sehingga mampu mentadbir negara dengan penuh kecemerlangan. Oleh itu siri ini juga mampu dijadikan sumber rujukan untuk generasi akan datang betapa pentingnya nilai kemerdekaan dan kewibawaan pemimpin negara memacu Malaysia menjadi sebuah negara yang berjaya di dunia antarabangsa.

Penerbit

Kandungan

Pengenalan	1
Pendidikan	4
Bidang Kerjaya	6
Dunia Politik	8
Pelancaran Dasar-dasar Kerajaan	12
Kemajuan Pelbagai Peringkat Umur	21
Pembangunan Teknologi	31
Ekonomi Negara	39
Ekonomi Antarabangsa	42
Forum Antarabangsa	50
Cabar Dalam Perjuangan	52
Penutup	58





Tun Dr. Mahathir Mohamad

BAB 1

PENGENALAN Latar Belakang

Tun Dr. Mahathir Mohamad dilahirkan pada hari Jumaat 20 Disember 1925 di sebuah rumah di Seberang Perak, Alor Setar, Kedah. Beliau adalah anak bongsu daripada 9 orang adik-beradik. Dengan kata lain beliau mempunyai empat orang kakak dan empat orang abang. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga dikenali sebagai Che Det dalam keluarganya.

Bapa Tun Dr. Mahathir bernama Mohamad Iskandar yang merupakan guru besar di Sekolah Inggeris yang pertama di Alor Setar (kini Kolej Sultan Abdul Hamid). Ibunya pula bernama Wan Tempayan Binti Wan Hanafi daripada keluarga Wan Su yang berdarah Datuk Temenggung Kulut Bukit Lada Kedah.

Sebagai seorang anak pendidik, Tun Dr. Mahathir Mohamad diasuh dengan penuh kasih sayang, tetapi mempunyai disiplin yang kuat. Oleh sebab itu telah membentuk peribadi Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin yang ulung pada ketika ini.

Sejak kecil lagi Tun Dr. Mahathir Mohamad telah diasuh



Bersama keluarga tercinta

oleh keluarganya untuk membantu beberapa kerja yang berfaedah. Misalnya beliau pernah menjual air, buah-buahan setiap hari Rabu di Pekan Rabu.

Namun sepanjang usianya, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah kematian bapanya pada tahun 1950. Ini diikuti oleh ibunya pada tahun 1966. Kematian dua orang tuanya itu telah menyebabkan beliau berasa amat sedih.

Kehidupan Harian

Masa merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan Dr. Mahathir. Oleh itu beliau mempunyai peraturan tertentu dalam menjalani kehidupan.

Sebaik sahaja selepas

bersembahyang Subuh, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan bersenam secara ringkas. Kemudian Tun Dr. Mahathir Mohamad akan membersihkan diri sebelum menulis. Sesudah itu barulah beliau bersarapan bersama isteri dan ahli keluarganya. Adalah menjadi kesukaan beliau bersarapan di beranda sambil menyedut udara nyaman.

Setelah itu Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menulis dan membaca sehingga jam 7.30 pagi. Kemudian beliau akan ke pejabat untuk bertugas sehingga petang. Sekiranya terdapat kerja yang belum selesai akan disiapkan pada waktu malam.

Sungguhpun beliau sibuk Tun Dr. Mahathir Mohamad banyak membaca, menulis dan mendengar radio. Ini adalah proses untuk belajar. Daripada belajarlah beliau dapat membentuk diri sebagai pemimpin ulung pada masa kini.

Hobi

Selain menulis, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga meminati bidang sukan terutamanya ragbi, satu-satunya permainan yang digemarinya. (Dalam aspek lain pula, beliau amat meminati dunia pertukangan.) Namun ketiadaan masa menyebabkan minat tersebut tidak terserlah.

Sebagai seorang pemimpin Tun Dr. Mahathir Mohamad amat meminati dunia perhiasan. Beliau amat menitikberatkan hiasan dalaman sama ada ketika berada di rumah atau di

kampungnya. Ini penting supaya jiwanya tenteram dengan keindahan tempat kediaman beliau.

Perkahwinan

Setelah berkenalan lebih daripada 10 tahun dengan Siti Hasmah, akhirnya Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Siti Hasmah melangsungkan perkahwinan pada 5 Ogos 1956.) Perkahwinan itu direstui oleh ibunya dan ibu serta bapa saudaranya.

(Sepanjang usia perkahwinan itu mereka dikurniakan lima cahaya mata iaitu tiga lelaki dan dua perempuan, iaitu Marina, Melinda, Mirzan, Mukhzani dan Mukhriz.)

Oleh sebab Tun Dr.

Mahathir Mohamad seorang pemimpin yang terdidik sejak kecil, maka penyerapan segala ilmu dan asuhan diterapkan dalam jiwa anak-anak beliau.

Keluarga Dr. Mahathir dan Siti Hasmah adalah keluarga bahagia. Bersama anak-anak yang membesar, kebahagian terus dikecapi dengan hubungan keluargaan yang sangat erat. Setiap anak-anak dilayan dengan baik dan anak-anak bebas bercakap.

Setelah menceburи bidang politik, Tun Dr. Mahathir Mohamad tahu membahagikan masa. Beliau tidak suka mencampuradukkan urusan politik dengan masalah keluarga. Oleh itu beliau berjaya membimbangi anak-anak dan menceburи bidang politik dengan jayanya.

Bagi Tun Dr. Siti Hasmah pula, sebagai seorang wanita, isteri dan ibu, beliau memainkan peranan penting dalam menerajui keluarga, memberi sokongan kepada suami dan menjalin hubungan mesra dengan rakyat.

Perkahwinan pada
5 Ogos 56



BAB 2

PENDIDIKAN Pendidikan Awal

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Lelaki Seberang Perak, Alor Setar, Kedah. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke Sekolah Inggeris Kerajaan dikenali Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar. Semasa berada di sekolah tersebut, Tun Dr. Mahathir Mohamad begitu aktif dalam bidang penulisan. (Beliau menjadi penyunting Majalah Darul Aman yang diterbitkan oleh Maktab Sultan Abdul Hamid pada tahun 1945.)

Sepanjang belajar di sekolah tersebut, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menunjukkan prestasi yang cukup cemerlang. Setelah lulus Sijil

Persekutuan Cambridge beliau telah melanjutkan pelajaran ke Kolej Perubatan King Edward ke VII di Singapura. Ketika itu (beliau telah berjaya mendapat biasiswa) walaupun dalam jumlah yang kecil.

Minat terhadap penulisan terus berkembang ketika berada di kolej perubatan ini beliau (menjadi ketua editor majalah pelajar dan mula menulis untuk akhbar Straits Times.)

Cita-Cita Menjadi Doktor

Sebaik sahaja melanjutkan pelajaran ke Kolej Perubatan, cita-cita menjadi doktor kian membara walaupun (pada peringkat awal beliau amat takut kepada mayat, namun praktikal membedah mayat telah menyebabkan jiwanya menjadi berani.)

(Pada awal tahun 1940-an tidak ramai pelajar Melayu yang mengikuti kursus tersebut. Pada tahun 1947, hanya terdapat tujuh orang dan salah seorang daripadanya ialah Tun Dr. Siti Hasmah.)



Bersama rakan-rakan seperjuangan

Berpolitik Di Bangku Sekolah

Sejak di bangku sekolah lagi Tun Dr. Mahathir Mohamad menunjukkan minat dalam bidang politik. Oleh itu beliau menyertai Gerakan Massa Melayu yang bertujuan menentang Malayan Union. Beliau telah menganjurkan aktiviti antiMalayan Union di sekolahnya.

Kongres Pertubuhan- pertubuhan Melayu di Kuala Lumpur yang menganjurkan penubuhan UMNO.

Setelah Kesatusan Melayu Kedah menyertai UMNO pada tahun 1946, Tun Dr. Mahathir Mohamad mendaftar diri sebagai ahli. Ketika itu semangat beliau untuk menentang Kerajaan British



Menganggotai SABERKAS

Sebagai usaha untuk melibatkan diri secara aktif, Tun Dr. Mahathir Mohamad mendaftar diri sebagai Ahli Persatuan Melayu Kedah dan Kesatuan Pemuda Melayu, Kedah. Oleh itu beliau berpeluang untuk menyertai SABERKAS di

berkobar-kobar. Tambahan pula beliau telah mendapat galakan daripada bapanya. Beliau dan bapanya telah menyumbangkan kewangan untuk menerbitkan artikel menentang Malayan Union.

BAB 3

BIDANG KERJAYA Pada Awal Kerjaya

Sejak kecil lagi Tun Dr. Mahathir Mohamad menjalani kehidupan sebagai seorang peniaga kecil-kecilan. Keluarga yang ramai telah menyebabkan Tun Dr. Mahathir Mohamad berusaha untuk turut

m e m b a n t u
bapanya dari

Sama-sama
mengambil jurusan
perubatan



segi

kewangan. Dengan jualan minuman dan buah-buahan, beliau meringankan beban yang ditanggung oleh bapanya, Mohamad Iskandar.

Kemudian (Tun Dr. Mahathir Mohamad memulakan kerjayanya yang pertama sebagai kerani di Pejabat Daerah Alor Setar. Beliau bekerja sejak bulan Mac 1947) sementara menunggu keputusan Sijil Peperiksaan. Setelah mendapat keputusan yang cemerlang, beliau (melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura.)

Di kolej tersebut, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkenalan dengan Siti Hasmah. Oleh sebab mengikuti jurusan yang sama menyebabkan hubungan mereka semakin rapat.

(Setelah tamat pengajian, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menjadi perintis perubatan di Hospital Besar Pulau Pinang dari tahun 1954 hingga 1957. Kemudian beliau (menjawat jawatan Pegawai Perubatan di Hospital Alor Setar, Perlis dan Langkawi.)

Membuka Maha Klinik

(Setelah berkahwin dengan Siti Hasmah, Tun Dr. Mahathir Mohamad membuka sebuah klinik yang terletak 12 batu dari rumahnya. Klinik itu dikenali sebagai Maha Klinik. Klinik itu adalah klinik swasta pertama milik orang Melayu.

Sepanjang berkhidmat sebagai doktor di klinik sendiri, penampilan Tun Dr. Mahathir Mohamad amat sederhana dan disenangi banyak pihak. Beliau sering berto-

lak ansur dalam memberi rawatan atau pembayaran. Beliau bukan sahaja tidak mengenakan bayaran tetapi turut memberi tambang kepada pesakit yang miskin. Bahkan ramai yang berhutang tetapi tidak ditagih oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga sering mengunjungi pesakit dengan menggunakan basikal, kereta atau berjalan kakinya. Ini adalah untuk memastikan pesakitnya sudah sihat.

BAB 4

DUNIA POLITIK Peringkat Awal

Tun Dr. Mahathir Mohamad memasuki dunia politik pada tahun 1964. Beliau terpilih sebagai ahli parlimen Kota Setar Selatan setelah menjadi ahli UMNO lebih 18 tahun.) Sejak itu Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi wakil rakyat selama lima tahun.

Tun Dr. Mahathir Mohamad cuba bangun untuk menonjolkan diri, namun sukar untuk melakukan ketika Malaysia diterajui oleh Tunku Abdul Rahman. Dalam pilihan raya, pada tahun 1969, Tun Dr. Mahathir Mohamad kalah kepada calon PAS.

Kekalahan yang dialami oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menjadikan beliau sebagai seorang yang tidak mudah mengalah. Kekalahan tersebut telah mengajar beliau untuk berani menghadapi percaturan politik pada masa akan datang.

Sesuatu yang menyediakan Dr. Mahathir Mohamad apabila beliau dipecat daripada UMNO. Pemecatan itu telah menyebabkan pengaruh beliau kian memuncak terutamanya di kalangan pelajar dan ahli UMNO sendiri.) Beliau bersuara lantang mengkritik dasar UMNO.

Ketika tidak menyertai UMNO, ramai ahli muda yang ingin membawa Tun Dr. Mahathir Mohamad ke dalam UMNO semula. Memandangkan sikap yang ditunjukkan oleh sebilangan ahli

politik itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad bertanding untuk jawatan Naib Presiden UMNO. Sekalipun tewas namun beliau mendapat undi kedua terbanyak dan berpotensi untuk menerajui UMNO suatu hari kelak.

Pada tahun 1973, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai senator. Untuk membolehkan ini beliau dilantik sebagai menteri. Beliau mendapat kemenangan dalam pilihan raya pada tahun 1974 setelah UMNO dan PAS bergabung dalam Barisan Nasional.

Menteri Pelajaran

Kemenangan yang dicapai dalam pilihan raya 1974, beliau dilantik oleh Tun Abdul Razak sebagai Menteri Pelajaran. Menteri Pelajaran ketika itu satu jawatan yang sensitif. Ketokohan yang ditunjukkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sedikit pun tidak menimbulkan banyak masalah berkaitan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan soal-soal kontroversial.

Sepanjang era Tun Dr. Mahathir Mohamad, banyak berhadapan dengan masalah mahasiswa dan ugutan terhadap universiti Merdeka dan soal-soal terhadap penggunaan bahasa di sekolah-sekolah. Atas ketegasan berpegang kepada Dasar Pelajaran Malaysia, semua masalah dapat diatasi dengan baik sekali.

Menteri Perdagangan Dan Perindustrian

Semasa pilihan raya diadakan pada tahun 1978, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengalahkan calon PAS dan sekali lagi menguatkan jentera Barisan Nasional. Beliau kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri dalam Pemilihan Majlis Kerja

Tertinggi UMNO pada 1978.

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga menjawat jawatan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Sepanjang menjadi menteri berkenaan, beliau membawa pendekatan lebih agresif dengan memperkenalkan Malaysia ke luar negara. Malaysia dianggap sebuah negara yang baik untuk melabur.

Tun Dr. Mahathir Mohamad membuat lawatan ke luar negara sehingga-kan banyak

ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1965. Dua tahun berikutnya beliau telah menyertai satu seminar Hal Ehwal Antarabangsa di Universiti Humburg. Beliau menghadiri Persidangan Ketua-ketua Negara Islam di Tariq pada Januari 1981, mewakili Perdana Menteri.

Sentiasa melakukan lawatan untuk meraih pelaburan asing



misi pelaburan diperoleh. Oleh itu ramai pelabur yang berminat melabur di Malaysia. Pada masa yang sama delegasi yang diketuai beliau turut mempertajamkan lagi kefahaman tentang diplomasi ekonomi. Justeru itu pelaburan telah memberi ruang kepada banyak pihak, sama ada pihak swasta, bank, peniaga, ataupun rakyat Malaysia.

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga berpeluang menyertai delegasi Malaysia

Naib Presiden UMNO

Ketika pemilihan Majlis Kerja Tertinggi UMNO, sekali lagi Tun Dr. Mahathir Mohamad dicalonkan sebagai Naib Presiden UMNO. Beliau memasuki majlis tersebut dengan membawa isu tentang kaum guru yang menjadi tulang belakang UMNO yang memperjuangkan kenaikan gaji.

Dengan kemenangan tipis Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya menjawat jawatan Naib Presiden dalam Perhimpunan Agung UMNO, pada tahun 1975. Walaupun terdapat segelintir pemimpin UMNO yang tidak menyenangi beliau, namun beliau menunjukkan kebolehan yang luar biasa.

Hanya setelah beberapa bulan menjawat jawatan Naib Presiden, Tun

timbul. Antara masalah yang menjadi penghalang kepada perlantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri ialah kehilangan pemimpin besar UMNO. Kematian Tun Abdul Razak telah menyebabkan rakyat Malaysia begitu sedih. Lebih-lebih lagi ketika itu Dato' Harun Idris telah diheret ke mahkamah sehingga ramai pelajar ITM melakukan tindakan yang tidak beretika.



Bersama pemimpin-pemimpin UMNO yang menerajui negara

Abdul Razak meninggal dunia. Hussein Onn dilantik menjadi Perdana Menteri. Kemunculan Tun Hussein Onn membuka lembaran baru kepada Malaysia. Kemenangan yang dicapai oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Naib Presiden menyebabkan beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Timbalan Perdana Menteri ✓

Bagi menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri bukanlah satu tugas yang mudah. Tun Dr. Mahathir Mohamad terpaksa menangani pelbagai masalah yang

Selain itu, perlantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad juga tidak disenangi oleh kaum Cina kerana dikatakan Tun Dr. Mahathir Mohamad seorang yang ekstrim melayu yang boleh mewujudkan ketidakstabilan kepada negara.

Semua tanggapan itu tidak dihiraukan oleh Tun Hussien Onn. Beliau sedar Tun Dr. Mahathir Mohamad seorang pemimpin yang berkaliber.

Walaupun Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, jawatan Menteri Pelajaran masih dipegang beliau. Beliau juga bertanggungjawab sebagai Pengurus Jawatankuasa Kabinet yang berkaitan dengan pelajaran.

kepada sektor swasta yang mempunyai daya saing yang tinggi.

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga berpendapat bahawa pengenalan dasar ini mampu mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan ekoran kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1980-an. Ini disebabkan sektor swasta mempunyai kecekapan dalam bidang pengurusan.

Peranan sektor swasta diyakini akan mempercepatkan lagi pembangunan ekonomi kesan daripada pelaburan. Oleh itu Tun Dr. Mahathir Mohamad memasukkan progam ini dalam Dasar Ekonomi Baru (kini Dasar Pembangunan Nasional) dalam usaha kerajaan mewujudkan masyarakat perniagaan di kalangan Bumiputera.

Sebagai usaha untuk memastikan kejayaan itu, sebuah jawatankuasa penswastaan telah dibentuk dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mengusulkan bahawa setiap jabatan kerajaan dan badan berkaitan boleh menswastakan sebahagian atau kesemuanya milik mereka. Badan-badan perniagaan dan jabatan serta syarikat yang diswastakan ialah Syarikat Penerbangan Malaysia, Lembaga Letrik Negara, Pejabat Pos, Institut Jantung Negara, Jabatan Telekom, Kompleks Sukan Negara dan sebagainya.

Dasar Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung Dan Luar Bandar

Dasar Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar telah diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1984.

Objektif pengenalan dasar ini adalah untuk membangunkan kawasan luar bandar yang masih mundur. Antaranya ialah meningkatkan pendapatan golongan petani, pesawah, peladang dan nelayan.

Bagi melaksanakan dasar tersebut, Tun Dr. Mahathir Mohamad merumuskan tiga langkah yang dilakukan. Antaranya menyusun semula kampung-kampung secara teratur, menyatukan tanah dan diurus secara terancang dan membangunkan industri kampung.

Melalui sistem penyusunan semula, kampung-kampung kecil yang berserakan akan digabung dan diberi kemudahan prasarana. Dengan mengadakan sistem berkelompok segala kemudahan yang dilakukan dapat menjimatkan kos.

Kebanyakan tanah milik penduduk kampung adalah tidak seragam dari segi saiz, jenis tanaman dan sebagainya. Oleh itu Tun Dr. Mahathir Mohamad menyarankan supaya tanah-tanah tersebut digabungkan dan ditanam dengan tanaman yang berpotensi. Ini penting sekiranya gabungan dilakukan, kerja-kerja penanaman boleh dijimatkan ini akan menguntungkan para petani itu sendiri.

Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya selain bekerja di ladang, petani mempunyai kemahiran dalam bidang kraf, pembuatan makanan dan sebagainya. Oleh itu beliau menggalakkan perusahaan kampung dilakukan dengan lebih menyeluruh. Cara ini adalah untuk meningkatkan pendapatan mereka selain bertani.

Dasar Pertanian Negara

Dasar Pertanian Negara telah diumumkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 12 Januari 1984. Tujuan dasar ini diperkenalkan adalah untuk membangunkan sektor pertanian yang menjadi nadi ekonomi Malaysia selama ini.

Tun Dr. Mahathir Mohamad menggariskan objektif Dasar Pertanian Negara sebagai usaha untuk memaksimumkan keluaran pertanian melalui sumber-sumber yang sedia ada. Selain itu beliau turut bermimat untuk meningkatkan pendapatan petani dan menjadikan komoditi per-

tanian seperti getah dan kelapa sawit mempunyai pasaran yang luas lagi berpanjangan.

Sebagai langkah untuk memastikan dasar tersebut berjaya, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyusun beberapa strategi untuk perkembangan sektor berkenaan. Antaranya dengan membuka lebih banyak tanah, memajukan kawasan pertanian, menubuhkan koperasi peladang, menggalakkan penswastaan dalam pertanian, mengadakan perkhidmatan sokongan dan pembangunan yang berkaitan dengan pertanian.

Selain itu, kerajaan juga memberi sokongan seperti pemasaran, kredit, subsidi dan penyelidikan. Dengan adanya kemudahan tersebut akan memberi keselesaan kepada golongan petani dan meneati impian Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pertanian yang berdaya maju.

Dasar Pandang Ke Timur

Dasar Pandang Ke Timur diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1982. Tujuan dasar tersebut diperkenalkan adalah untuk menjana pembangunan negara mengikut cara Jepun dan Korea Selatan setelah menilai kemajuan yang dicapai kedua-dua buah negara tersebut.

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga menyaksikan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara Asia adalah lebih baik mencontohi





Program Bersama Rakyat (Semarak)

negara Asia Timur itu berbanding Barat yang mempunyai budaya yang kurang sihat.

Melalui dasar tersebut, Tun Dr. Mahathir Mohamad menerapkan nilai-nilai dan amalan yang baik dari Jepun dan Korea Selatan yang diubahsuai melalui acuan Malaysia.

Antara bidang-bidang yang boleh dicontohi Malaysia mengikut pandangan Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah teknologi, etika kerja dan sistem pengurusan yang terancang. Dengan kata lain semua sifat positif yang dimalkan dua buah negara itu harus dijadikan iktibar.

Pengenalan Dasar Pandang Ke Timur itu bukanlah bertujuan memastikan negara hanya berdagang dengan negara-negara Asia, tetapi

mengikuti amalan harian mereka dalam menjana kemajuan negara.

Ekoran itu Tun Dr. Mahathir Mohamad menggalakkan supaya lebih ramai pelajar yang dihantar ke Jepun dan Korea Selatan untuk mendapat pendidikan. Bahkan kedua-dua buah negara itu boleh membuka perniagaan kerana Malaysia menawarkan peluang perniagaan yang cukup baik bagi membantu meningkatkan ekonomi negara.

Kepimpinan Melalui Teladan

Sejak menjadi Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melihat bakat kepimpinan yang ada pada pemimpin harus ditingkatkan. Sejajar dengan itu beliau memperkenalkan satu kempen yang diumumkan pada 19 Mac 1983.

Kempen Kepimpinan Melalui Teladan adalah bermatlamat untuk menyemai ciri-ciri kepimpinan yang telus dan boleh dijadikan asas dalam pentadbiran negara. Ini adalah sebagai usaha untuk memantapkan negara. Bahkan Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah menjadi pelopornya.

Sebagai seorang Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menunjukkan teladan yang boleh dicontohi semua

pihak. Ini disebabkan sesbuah negara atau bangsa akan mundur sekiranya tidak mempunyai sikap kepimpinan yang baik.

Tun Dr. Mahathir Mohamad menekankan tiga aspek utama dalam kepimpinan beliau iaitu bersih, cekap dan amanah. Bersih yang disarankan oleh beliau ialah mencakupi aspek moral ketika menjalankan tugas, kebersihan tempat bekerja, pakaian dan sebagainya.

Cekap adalah sifat-sifat tanggungjawab, mahir dan mempunyai tahap pencapaian yang baik dalam menjalankan sesuatu pekerjaan. Amanah pula meliputi keikhlasan dan rasa tanggungjawab dalam menjalankan tugas.

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengusulkan satu sistem kerja yang unik iaitu kad perakam waktu, pemakaian tanda nama, Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (QCC), pengisytiharan harta oleh kakitangan awam, kempen pencegahan rasuah dan sebagainya.

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran ini telah diumumkan oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1983. Dasar ini diperkenalkan adalah untuk memastikan bahawa Malaysia mampu melahirkan sebuah masyarakat yang bermaruah dan disegani.

Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya bahawa sesuatu bangsa yang tidak mempunyai nilai kehidupan yang kukuh mudah dipengaruhi nilai-nilai bangsa lain

terutama yang boleh merosakkan akidah.

Justeru itu Tun Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran yang bertujuan menegakkan syiar Islam, membentuk sikap yang berguna, melahirkan bangsa Malaysia yang bermaruah dan mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap lagi berkesan berlandaskan Islam.

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mengingatkan bahawa pengenalan dasar ini bukanlah untuk mengislamkan orang bukan Islam, tetapi adalah untuk memastikan semua kaum menghayati ajaran Islam dan mengamalkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam Islam. Oleh itulah beliau juga telah memastikan pelaksanaan dasar tersebut tidak akan menyenggung perasaan bukan Islam.

Sejajar dengan pengenalan itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menubuhkan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa, syarikat insurans Islam dan meningkatkan peranan Mahkamah Syariah.

Pertubuhan Perdagangan Sedunia

Pertubuhan Perdagangan Sedunia atau World Trade Organization (WTO) ditubuhkan pada tahun 1995. Penubuhan WTO adalah untuk menggantikan GATT dan dianggotai lebih daripada 130 buah negara seluruh dunia yang juga dianggotai Malaysia di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Tujuan penubuhan WTO yang kini berpusat di Geneva adalah untuk menggalakkan pengaliran perdagangan yang bebas, saksama dan lancar seperti yang telah disepakati. Justeru itu setiap negara anggota bebas membuat

perjanjian perdagangan, mengadakan rundingan perdagangan, menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam perdagangan dan memberi bantuan teknikal kepada negara-negara membangun.

Tun Dr. Mahathir Mohamad melihat penubuhan sebagai satu cara untuk menjalankan hubungan dengan negara-negara anggota. Namun begitu segala dasar yang dibuat adalah bergantung kepada keputusan yang dibuat melalui Persidangan Menteri yang diadakan dua tahun sekali.

Pelan Induk Perindustrian

Pelan Induk Perindustrian (PIP) ditubuhkan untuk pembangunan serta strategi-strategi bagi sektor perindustrian terutama yang berkaitan dengan sektor perkilangan untuk tempoh 1986 hingga 1995.

Pengenalan pelan yang dicetuskan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah untuk menekankan sektor perindustrian sebagai penjana pertumbuhan negara, membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat secara seimbang.

Antara sektor industri yang diberi tumpuan oleh beliau ialah barang berdasarkan getah, barang berdasarkan sawit, makanan yang diproses, kimia dan petrokimia, keluaran berasaskan kayu, barang elektrik, keluaran logam bukan besi, peralatan pengangkutan, keluaran kejuruteraan, industri besi keluli dan tekstil.

Bagi menjayakan pelan tersebut, Tun Dr. Mahathir Mohamad merangka beberapa strategi. Antaranya menyusun struktur insentif perindustrian, menggalakkan sektor gantian import, menggalakkan pembelian barang buatan Malaysia, mencari pasaran

eksport, menggalakkan penyelidikan dan perusahaan kecil.

Kesan daripada idea Perdana Menteri itu, akhirnya sektor industri menyumbangkan sumber pendapatan negara yang terpenting bermula tahun 1987 sebanyak 22.5% berbanding sektor pertanian sebanyak 21.8% dari KDNK negara. Peratusan tersebut meningkat setiap tahun sehingga kini sektor perindustrian masih menjadi penyumbang ekonomi negara yang terpenting.

Dasar Kependudukan

Dasar kependudukan yang diuarukkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah bermatlamat untuk menjadikan penduduk Malaysia sekitar 70 juta menjelang tahun 2100. Jumlah ini dianggap ideal bagi Malaysia yang mempunyai penduduk yang kecil jika dibandingkan dengan negara-negara lain di Asia Tenggara.

Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan adalah penting untuk mensasarkan bilangan 70 juta yang dianggap ideal dengan keluasan negara. Dengan jumlah penduduk yang ramai boleh memberi pelbagai faedah. Antaranya membekalkan sumber tenaga kerja, meluaskan pasaran dan meningkatkan produktiviti.

Selain itu jumlah yang ramai boleh menjadikan Malaysia sebagai negara yang kuat dari segi keselamatan negara. Sejak dengan itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memperkenalkan kaedah yang menguntungkan bagi ibu-ibu yang melahirkan anak seramai lima orang. Namun begitu Tun Dr.



Hasil ciptaan yang penuh inovasi

Mahathir Mohamad juga tetap melihat bahawa pertambahan penduduk yang tidak seimbang akan menjelaskan negara.

Wawasan 2020

Wawasan 2020 adalah idea Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diumumkan oleh beliau pada 28 Februari 1991 dalam Persidangan Majlis Perniagaan Malaysia. Wawasan 2020 mencakupi tempoh 30 tahun untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Wawasan 2020 menitikberatkan pembangunan secara menyeluruh terutama dalam aspek ekonomi, politik, sosial, ke-rohanian, kejiwaan dan kebudayaan.

Terdapat sembilan cabaran yang harus

disahut oleh rakyat dalam usia memastikan kemajuan tercapai. Antaranya bersatu padu, berjiwa bebas, tenteram dan maju, mengamalkan demokratik, bermoral dan beretika, liberal dan toleransi, saintifik dan progresif, berbudi dan berbudaya penyanyang, adil ekonomi dan mempunyai daya tahan.

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyatakan bahawa matlamat pembentukan sebuah masyarakat yang adil adalah pengagihan kekayaan yang adil dan saksama. Oleh itu terdapat dua strategi utama dalam pencapaian matlamat tersebut dengan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menghapuskan



Ke arah wawasan 2020

pengenalan kaum mengikut ekonomi.

Justeru itu Tun Dr. Mahathir Mohamad menggariskan beberapa langkah untuk membebaskan rakyat daripada belenggu kemiskinan dengan menyediakan kemudahan asas yang secukupnya, memberi pendidikan sewajarnya, menyediakan peluang pekerjaan dan sebagainya. Hanya dengan pengenalan Wawasan 2020 itu diyakini Malaysia akan menjadi negara maju setanding negara-negara Barat yang lain.

Dasar Pembangunan Nasional

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Jun 1991 di Parlimen. Dasar ini terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang mensasarkan antara tahun 1991 hingga 2000.

Pengenalan DPN adalah sebagai menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang tamat pada tahun 1990 namun Tun Dr. Mahathir Mohamad masih memasukkan beberapa aspek seperti yang terkandung dalam DEB.

Dalam DPN, Tun Dr. Mahathir Mohamad menggariskan langkah-langkah awal dalam pembentukan negara maju. Dalam erti kata lain DPN adalah satu bentuk untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang dalam pelbagai aspek.

DPN juga mengandungi pelbagai



aspek seperti mewujudkan keseimbangan ekonomi, meningkatkan data saling melengkapkan antara sektor, mengurangkan ketidaksamaan sosial dan ekonomi, menggalakkan kekuuhan integrasi di semua kawasan, membangunkan masyarakat progresif, memajukan sumber manusia dengan kemahiran, menjadikan teknologi sebagai asas kemajuan dan memberi perlindungan alam sekitar.

Tun Dr. Mahathir Mohamad menekankan pembangunan yang seimbang adalah berlandaskan kepada empat faktor iaitu pengagihan kekayaan secara seimbang, memastikan kestabilan politik dan sosial, menjadikan rakyat Malaysia sebagai rakyat yang berkualiti dan bernilai tinggi dan mengurus sumber-sumber alam semula jadi secara berhati-hati.

Sungguhpun demikian Tun Dr. Mahathir Mohamad juga tidak pernah lupa untuk membasmikan

kemiskinan secara menyeluruh, menumpukan pembangunan Bumiputera dalam bidang ekonomi, memberi penekanan sektor swasta supaya membantu menjana ekonomi negara dan membangun sumber manusia supaya mampu membangunkan negara secara terancang dan berterusan.



Pembangunan sains dan teknologi

KEMAJUAN PELBAGAI PERINGKAT UMUR

Persediaan Golongan Remaja

Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa pembentukan identiti generasi muda positif penting dalam menjamin pencapaian wawasan negara sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Wawasan Rakan Muda yang dicetuskan oleh Perdana Menteri itu merupakan satu pendekatan memperkuuhkan dan memperkayakan sistem orientasi nilai dalam masyarakat.

Program tersebut menyemarakkan gaya hidup yang berkualiti dan berwawasan yang



Rakan Muda
pemangkin kemajuan
golongan remaja

merelakan golongan muda mencari identiti diri. Rakan Muda boleh menjadi penyumbang kepada institusi keluarga, agama, masyarakat, sekolah, media

massa, golongan sebaya dan pertubuhan swadaya yang mempunyai kesan langsung kepada generasi muda.

Aktiviti Rakan Muda mencakupi Rakan Sukan (*Sport*), Rakan Waja Diri (*Martial Arts*), Rakan Cinta Alam (*The Environment*), Rakan Seni Budaya (*Culture*), Rakan Reka Cipta (*Innovations*), Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir (*Entrepreneurship*), Rakan Kecergasan (*Physical Fitness*), Rakan Masyarakat (*Community Service*), Rakan Rekreasi (*Recreation*) dan Briged Rakan Muda (*Unifomed Corps*).

Rakan Muda merupakan satu gaya hidup yang diilhamkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pengisian masa lapang, tetapi amat berguna untuk remaja. Antara faedah itu memenuhi masa secara berfaedah, melahirkan golongan remaja berkualiti, wujudkan masyarakat penyayang, meningkatkan semangat gotong-royong, meningkatkan pendidikan agama, persefahaman antara kaum, melahirkan golongan pemimpin berwawasan dan pemangkin sukan negara.

Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mengingatkan untuk melahirkan masyarakat yang berwawasan, setiap rakyat harus mempunyai komitmen yang tinggi dalam setiap bidang yang diceburi, mampu berdiskari, bekerja keras, mencintai ilmu pengetahuan, berkepentingan pengurusan diri dan membuat kerja melebihi daripada sepatutnya.

Persediaan Golongan Belia

Belia adalah golongan yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Namun kerajaan Malaysia mensasarkan mereka yang berada dalam lingkungan 19 hingga 35 tahun adalah lepasan sekolah dan bersedia untuk bekerja. Berdasarkan perangkaan Jabatan Statistik, peratusan golongan belia ialah 33.7% pada tahun 1980 dan meningkat menjadi 41.2% pada tahun 2000.

Menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad, golongan belia adalah khazanah dan harapan negara untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Persediaan pembangunan terhadap golongan tersebut penting dalam usaha untuk membentuk generasi penentu kejayaan negara.

Oleh itu golongan belia perlu disatukan supaya mampu mengembangkan sumber dan potensi melalui program dan aktiviti yang tersusun untuk memenuhi cita rasa belia, masyarakat, agama, budaya dan negara.

Sehingga kini lebih 38 buah pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah Majlis Belia Negara. Setiap pertubuhan belia mempunyai pelbagai falsafah, matlamat dan program ke arah cabaran 2020 kelak. Segala dasar dan program negara tentang pertubuhan hendaklah disokong dengan penguatkuasaan keteguhan kewangan.

Pembangunan yang menghadapi cabaran merangkumi aspek memperkuatkan kekuatan ke-rohaniah pembangunan belia dan penggunaan sumber belia sebagai klien serta menghadapi masa

hadapan pembangunan secara global dan tuntutan serantau.

Persediaan Golongan Tua

Mengikut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menjangkakan menjelang tahun 2000, terdapat lebih kurang 426 juta orang mencapai usia 64 tahun ke atas di seluruh dunia dan 86 peratus daripada mereka adalah daripada negara-negara di Asia. Malaysia diramalkan tergolong dalam negara yang mengalami ketuaan penduduk pada masa hadapan. Peningkatan tersebut tidak membimbangkan sekiranya tanggapan dan penerimaan negatif sesetengah masyarakat dapat dihapuskan.

Proses penuaan ditentukan dua faktor iaitu penurunan kesuburan dan pertambahan jangka hayat pada waktu lahir, kurangnya kadar kematian, kemajuan dalam bidang perubatan dan pembangunan sosioekonomi yang pesat.

Kajian yang telah dilakukan oleh Sosio-Economic Consequence of the Aging of Population (SECAP) pada tahun 1986 menunjukkan ramai di kalangan golongan tua masih terus bekerja selepas berumur 56 tahun untuk membantu keluarga, menampung keperluan sendiri dan memenuhi masa terluang.

Sejak dengan peningkatan taraf hidup, dijangka dapat menikmati lebih banyak perkhidmatan berdasarkan komuniti tersebut. Sebagai penggerak utama masyarakat termasuklah sektor awam, swasta, media massa, badan sukarela dan golongan muda perlu ditanamkan dengan tanggapan yang positif terhadap golongan tua yang bermatlamatkan kepada perkara-perkara di bawah memberi kefahaman

tentang proses penuaan yang berlaku kepada setiap individu, melahirkan semula potensi atau idea-idea kepakaran golongan tua untuk membuktikan nilai harga diri kepada masyarakat di sekelilingnya, meningkatkan ke sejahteraan golongan tua melalui penyediaan suasana persekitaran yang penyayang dan menolak pandangan sosial yang negatif terhadap golongan tua.

Selain kemudahan-kemudahan yang disediakan, terdapat juga beberapa rancangan untuk menambah keselesaan golongan tua pada masa hadapan. Ini memberi pengiktirafan kepada mereka yang berjasa supaya tidak luput daripada ingatan generasi pada masa hadapan.

Dalam seminar Kebangsaan Warga Tua yang lebih menjurus kepada Cabaran Warga Tua ke Arah Wawasan 2020, terdapat satu polisi yang dicadangkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Antaranya ialah kerajaan perlu menaikkan umur persaraan daripada 56 tahun kepada 60 tahun. Ini disebabkan tenaga mereka masih diperlukan memandangkan pengalaman dan kebijaksanaan akan terbuang begitu sahaja sekiranya bersara pada peringkat umur yang masih rendah.

Di samping itu kerajaan atau pihak swasta perlu mewujudkan peluang pekerjaan untuk golongan tua yang ingin bekerja sama ada untuk kesihatan, menyara diri atau ingin menambahkan pendapatan. Oleh itu kerajaan patut menggalakkan pengambilan golongan tua yang berkeupayaan untuk terus menyambung kerjaya mereka.

Pembinaan kemudahan-kemudahan rekreasi diperbanyakkan untuk golongan tua berinteraksi antara sama lain

dan menggalakkan penjagaan kesihatan mereka. Antara aktiviti yang boleh meningkatkan kecerdasan diri adalah seperti bersukan dan bersenam.

Pusat penjagaan perlu ditubuhkan di sekitar petempatan perumahan yang bertujuan melindungi golongan terlalu tua daripada pengaruh yang tidak sihat. Golongan tua hari ini merupakan simbol perpaduan dalam masyarakat. Kebanyakan mereka menjadi penasihat kepada golongan yang lebih muda kerana pengalaman dan kematangan dalam setiap tindakan. Lazimnya golongan tua memainkan peranan yang cukup penting dalam sesuatu keramaian di dalam masyarakat kampung. Golongan inilah yang sering mengemudikan pelbagai jenis majlis yang diadakan.

Perkhidmatan menyesuaikan dan mengintegrasikan adalah perlu terutamanya untuk mereka yang belum begitu tua, sedangkan perkhidmatan sokongan diwujudkan untuk golongan yang terlalu tua untuk membolehkan mereka dilengkapkan dengan pembantu rumah, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan kawasan keselamatan dan sebagainya.

Kemajuan Pembangunan Negara

Sebagai sebuah negara membangun, kerajaan Malaysia yang dipimpin Perdana Menteri yang berkaliher telah merangka pelbagai kemudahan untuk rakyat. Ini adalah untuk memastikan Malaysia mempunyai penduduk yang seimbang daripada pelbagai sudut. Antara kemudahan itu menyediakan rumah kediaman.

Malaysia mengambil iktibar membina banyak kawasan kediaman untuk memenuhi permintaan penduduk. Setiap tahun kerajaan memperuntukkan berjuta-juta ringgit untuk membina rumah teres kos rendah, kos sederhana dan kos tinggi. Ini penting supaya masyarakat yang tidak mempunyai tanah mampu memiliki rumah.

Selain itu Tun Dr. Mahathir Mohamad amat menitikberatkan pendidikan. Beliau mengingatkan setiap kanak-kanak perlu mendapat pendidikan asas dan kemudian

menyeluruh dan terperinci. Pada peringkat universiti pula para pelajar akan diajar dalam konsep yang lebih meluas.

Ekoran itu kerajaan mendirikan banyak pusat pengajian. Ini adalah sebagai aset untuk memastikan rakyat Malaysia mempunyai kemahiran dalam segala aspek sekali gus mampu memajukan negara seperti yang dilakukan kebanyakan negara-negara maju di dunia ini.

Kemudahan asas yang lengkap termasuklah jalanan jalan raya di seluruh negara. Hampir keseluruhan kawasan



IKIM mengimbangi keperluan pembangunan dan keperibadian ummah

melanjutkan pelajaran sehingga ke institusi pengajian tinggi. Tamantaman bimbingan menyediakan pelbagai kemudahan yang diperlukan sama ada pembelajaran asas yang mudah dan lokasi yang menarik.

Setiap sekolah pula menekankan pendekatan pendidikan lebih

dijalankan dengan jalan yang berturap dengan jumlah keseluruhan melebihi 50 000 km.

Landasan kereta api dikemas kini untuk mengangkut barang-barang industri yang berat. Di Semenanjung Malaysia sahaja sepanjang 1 665 km telah dibina, manakala di Sabah pula sepanjang 155 km. Selain itu landasan

berkembar dibina Kuala Lumpur dengan Ipoh untuk melancarkan sistem pengangkutan.

Pembukaan Lapangan Terbang Antarabangsa pada tahun 1998 di Sepang sebagai langkah menyokong ke arah ini. Pembinaan sistem pengangkutan udara dijangka dapat mempercepatkan segala urusan pentadbiran.

Pelabuhan merupakan salah satu kemudahan yang perlu dalam urusan penghantaran barang-barang keluaran industri. Antara pelabuhan yang memainkan peranan penting dalam mengeksport barang-barang industri ialah pelabuhan Klang, pelabuhan Pulau Pinang dan pelabuhan Tanjung Pelepas, di Johor. Pelabuhan-pelabuhan tersebut mengendalikan pelbagai jenis barang untuk dipasarkan ke seluruh dunia.

Tun Dr. Mahathir Mohamad mengangka jumlah penduduk yang ramai menjelang alaf ke-21 kelak. Oleh itu beliau telah mencadangkan bidang pekerjaan harus mencakupi pelbagai jenis mengikut kemahiran. Dalam sektor pertanian, pengenalan pelbagai jenis jentera menambahkan keluaran pertanian. Penyelidikan dilakukan bagi menghasilkan baka yang baik untuk menambah pengeluaran. Dalam sektor perindustrian pelbagai barang keluaran berdasarkan industri dihasilkan.

Pekerja yang bertaraf profesional juga dijangka bertambah. Bidang kedoktoran, guaman dan pendidikan terus mendapat perhatian yang menggalakkan. Oleh itu jumlah pekerja yang bekerja di sektor ini dapat mengimbangi penduduk yang akan bertambah kelak.

Menyedari hakikat ini kerajaan menyediakan pelbagai ruang kerja yang selesa untuk rakyat. Oleh itu pelbagai kemahiran disediakan di

peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi untuk melahirkan masyarakat yang serba boleh.

Program Pembangunan Rakyat

Malaysia adalah negara membangun dan memerlukan golongan belia untuk mencorak masa hadapan. Oleh itu Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mencetuskan banyak idea dalam melahirkan golongan belia yang pragmatik, khususnya golongan remaja.

Dasar Belia Negara (DBN) menjadi asas pembangunan belia yang digubal Majlis Belia Malaysia pada tahun 1985. Dengan itu Perdana Menteri Malaysia telah melaksanakan satu dasar yang dikenali sebagai Pelan Induk Belia Negara (PIBN) pada Mei 1991 yang memberi tumpuan beberapa aspek dengan beberapa moto untuk dijadikan wadah pembangunan belia. Antaranya ialah:

a. Malaysia Cergas Dan Cemerlang

Tun Dr. Mahathir Mohamad menginginkan rakyat Malaysia mempunyai kecergasan yang tinggi dan sihat. Penekanan perlu diberikan kepada kegiatan sukan dan rekreasi supaya dapat melahirkan masyarakat yang sihat.

b. Malaysia Patriotik

Masyarakat Patriotik mengikut acuan Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu diserapkan dengan sebaik mungkin terutama golongan belia dan remaja. Ini berpaksikan Malaysia sebagai negara majmuk yang tentunya inginkan ke-

harmonian yang berpanjang. Rasa kecintaan terhadap negara adalah sebagai teras untuk menentukan kejayaan Malaysia di peringkat antarabangsa.

c. Malaysia Berkemahiran

Sektor ekonomi membawa perubahan besar dalam negara. Malaysia mempelbagaikan kemahiran rakyat untuk memastikan ekonomi negara lebih bersifat global. Kemahiran yang diperlukan ini boleh mengukuhkan ekonomi negara dalam jangka panjang. Oleh itu Tun Dr. Mahathir Mohamad menggalakkan supaya kerajaan menghantar lebih ramai remaja dan belia ke arena antarabangsa untuk mendapatkan kepakaran dalam pelbagai bidang.

d. Malaysia Maju

Negara maju adalah menjadi sasaran kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara terunggul di rantau ini. Penyediaan pelbagai prasarana, teknologi maklumat dan pelbagai sektor yang berkaitan dengan pembangunan menjadikan Malaysia negara yang paling dinamik. Kerajaan turut menggalakkan rakyat mengubah sikap dengan mempelajari lebih banyak ilmu berkaitan dengan kemajuan negara. Oleh itu kerajaan mewujudkan lebih banyak intitusi pengajian, kolej dan sekolah bestari sebagai pengisian remaja pada masa hadapan.

e. Malaysia Prihatin

Sebagai negara membangun Tun Dr. Mahathir Mohamad sering

menerapkan kemuliaan kemanusiaan. Oleh itu Malaysia menekankan aspek prihatin negara terhadap negara lain. Bantuan kemanusiaan dan pertolongan lain diberi kepada negara yang memerlukan bantuan.

f. Malaysia Berbudaya

Memandangkan Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, Tun Dr. Mahathir Mohamad amat menegaskan supaya kerajaan menekankan aspek berbudaya. Setiap kaum boleh menonjolkan kebudayaan masing-masing. Ini merupakan satu tarikan pelancong berkunjung ke negara ini. Selain itu kerajaan juga akan mempelbagaikan kebudayaan supaya lebih ceria dan menarik.

g. Lahir Masyarakat Madani

Sebagai negara Islam dan negara maju, seharusnya kemodenan negara perlu seiring dengan kerohanian rakyat. Pada masa ini Tun Dr. Mahathir Mohamad turut menekankan masyarakat madani sebagai simbol kemajuan rohani.

Masyarakat madani mengelaskan bahawa kemajuan juga perlu seiring dengan keagamaan. Ini penting supaya masyarakat yang dilahirkan kelak akan membentuk masyarakat dua serampang iaitu kemajuan dari segi mentaliti dan rohani. Justeru kemajuan yang dicapai lebih bersifat global.

h. Lahir Masyarakat Serba Boleh

Mengikut pandangan Perdana Menteri Malaysia, remaja golongan mudah dibentuk sekiranya mendapat pendedahan sejak dari kecil lagi. Oleh itu Malaysia melakukan pelbagai program

untuk memastikan bahawa golongan dewasa yang lahir daripada remaja hari ini akan menjadi masyarakat yang serba boleh suatu hari kelak. Pendedahan ini merangkumi pelbagai aspek sama ada yang berkaitan dengan perniagaan, kebolehan mereka cipta, mencintai rekreasi, mempelajari teknologi maklumat dan sebagainya.

Memperkasakan Rakyat Malaysia

a. Melahirkan Bangsa Yang Kuat

Wawasan 2020 yang menjadi visi Tun Dr. Mahathir Mohamad mampu melahirkan bangsa yang kuat, kukuh dan tahan menghadapi segala ujian. Kegagahan daripada segi ketahanan fizikal dan mental serta kekuatan kerohanian dan jiwa. Ini disebabkan kekuatan jasmani

dan rohani, akal dan emosi perlu seimbang supaya dapat menangani masalah yang akan timbul kelak.

Oleh itu Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengingatkan rakyat Malaysia perlu mempunyai jiwa yang kuat dan tahan untuk menjamin kekuatan negara lebih-lebih lagi dalam dunia yang mencabar. Sistem pendidikan perlu mampu membentuk insan yang sempurna daripada segi fizikal dan mental. Menurut Perdana Menteri, sebahagian besar masalah yang dihadapi generasi muda berpunca daripada kelemahan menghadapi cabaran yang mendatang. Kelemahan menjadikan rakyat mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif yang bertentangan dengan etika, akhlak malah merosakkan akidah dan kehidupan. Sekiranya kekuatan dibina, masa hadapan generasi muda pasti terjamin.

b. Membina Masyarakat Demokratik

Malaysia yang diterajui Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah negara membangun yang paling prestij dari segi pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi yang mampu membuktikan Malaysia bakal menjadi negara maju pada alaf akan datang.

Bagi merealisasikan impian tersebut, ia memerlukan kecekalan dan keazaman tinggi. Malaysia mengamalkan sistem politik yang berpaksikan demokrasi.



Bangsa yang kuat mampu mempertahankan negara

Sistem ini membolehkan semua lapisan bersuara tanpa ada penyekatan. Pada masa yang sama rakyat juga boleh memilih pemimpin yang mereka suka.

Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya Malaysia mempunyai kedudukan politik yang stabil. Faktor paling penting dalam kestabilan politik ialah kerjasama antara kaum yang begitu kukuh. Kestabilan politik membolehkan negara menjadi model negara-negara lain. Pada masa yang sama juga kestabilan menjadi persediaan negara menjadi negara maju menjelang tahun 2020 kelak.

c. Masyarakat Bermoral Dan Beretika

Ketika Malaysia berada pada tahun 2020 dijangka telah berlaku zaman peralihan dari negara membangun ke taraf negara maju. Ini disebabkan pertumbuhan pembangunan yang cukup pesat di semua sektor. Ini penting untuk memastikan Malaysia kelak bakal menjadi negara maju menjelang 2020.

Kemajuan yang dicapai negara tidak hanya dijuruskan kepada kemampuan berekonomi, tetapi perlu menyeluruh. Pertumbuhan jiwa masyarakat juga perlu seimbang dengan pertumbuhan negara. Ini penting untuk memastikan pencapaian negara seimbang.

Negara-negara maju yang lebih tertumpu di Eropah dan Amerika Syarikat menunjukkan gejala yang tidak baik. Sungguhpun negara mereka maju dalam pembangunan, tetapi akhlak masyarakat masih

jauh ketinggalan.

Menyedari hakikat ini, pembangunan yang dicadangkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad turut memikirkan faktor moral dan akhlak masyarakat supaya kemajuan yang dicapai lebih seimbang. Dengan ini, diyakini taraf negara maju dapat dipertingkatkan menjelang alaf baru.

d. Masyarakat Matang, Liberal Dan Toleransi

Masyarakat yang matang merupakan masyarakat yang dapat berfikir secara rasional. Masyarakat tersebut dapat menimbang secara adil apabila melakukan sebarang tindakan untuk kebaikan semua golongan. Oleh itu masyarakat tidak akan mengambil tindakan secara melulu.

Tun Dr. Mahathir Mohamad merujuk masyarakat liberal adalah masyarakat yang membebaskan diri daripada fahaman sempit. Oleh itu mereka akan sentiasa berfikiran terbuka dan memikirkan kemajuan yang dicapai pada masa akan datang.

Masyarakat yang bersikap toleransi pula masyarakat yang berbilang kaum yang sentiasa bersatu padu dalam semua hal untuk memajukan negara. Oleh itu pertelingkahan kaum tidak akan berlaku sekiranya semua kaum mengetahui peranan masing-masing.

Bagi memastikan semua sikap tersebut tertanam dalam jiwa rakyat Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyarankan supaya mengambil langkah-langkah wajar. Oleh itu Rukun Negara perlu dihayati semua kaum supaya kesatuan akan bertambah erat.


e. Melahirkan Masyarakat Maju Dan Saintifik

Menjadi impian Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk memastikan semua institusi pendidikan menggarapkan bidang sains sebagai satu bidang yang diutamakan. Nisbah 60 peratus untuk pelajar aliran sains dan 40 peratus aliran sastera perlu dipertingkatkan dengan lebih menyeluruh. Pada masa yang sama minat para pelajar dalam bidang sains perlu digilap.

Bagi memastikan keadaan ini berterusan, tenaga pengajar harus mempunyai kepakaran menarik minat ramai pelajar ke arah ini. Di samping itu kelengkapan makmal yang canggih dijadikan aset untuk menarik minat para pelajar.

Kerajaan menekankan penciptaan baru dalam teknologi. Bagi memastikan penciptaan baru dihasilkan dalam teknologi, Perdana Menteri telah menggalakkan supaya menghantar lebih banyak pelajar keluar negara terutama dalam bidang teknologi. Dengan ini diyakini teknologi dari luar negara dapat dipindahkan ke negara ini melalui pendidikan dan pekerjaan.

Pada masa yang sama rakyat seharusnya mempunyai sikap mahu bersaing. Sikap ini hendaklah diterapkan sejak di bangku sekolah lagi. Dengan adanya sikap ingin bersaing dalam pelbagai bidang adalah menjadi teras kepada kemajuan negara. Usaha terbaru untuk memajukan bidang sains ialah penggunaan bahasa Inggeris di tahun satu, tingkatan satu dan enam rendah pada tahun 2003.



Kepakaran asset negara

f. Sebuah Masyarakat Adil Dalam Ekonomi

Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) yang dijalankan pada tahun 1970 hingga 1990 dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang diperkenalkan pada tahun 1990 hingga 2000 adalah atas meningkatkan ekonomi dengan lebih adil lagi saksama.

Sebelum Tun Dr. Mahathir Mohamad memerintah iaitu sekitar tahun 1970, penglibatan masyarakat Melayu dalam ekonomi negara cukup kecil iaitu di bawah dua peratus. Jumlah ini tidak seimbang jika dibandingkan dengan masyarakat Cina dan asing yang mencakupi lebih daripada 95%.

Dalam RRJP1 dan RRJP2 telah digarisukkan ekuiti masyarakat Melayu adalah sebanyak 30

peratus. Ini bertujuan mengurangkan ekuiti ekonomi asing yang sedikit sebanyak telah berkurangan sejak kerajaan melancarkan RRJP1. Menyedari hakikat ini Tun Dr. Mahathir Mohamad yang turut menjadi penggerak kepada pelbagai pelbagai program terus memajukan negara ini sesuai dengan masyarakat yang adil ekonominya.

g. Memupuk Dan Membina Masyarakat

Tahun 2000, RRJP1 dan RRJP2 berakhir. Ini bermakna kerajaan telah cuba

memperbaiki ekonomi bagi masyarakat Melayu yang jauh ketinggalan berbanding masyarakat lainnya. Sungguhpun demikian Tun Dr. Mahathir Mohamad amat percaya masyarakat Melayu menjelang abad ke-21 adalah masyarakat yang mempunyai kekuahan ekonomi yang mampu bersaing dengan masyarakat yang lain.

Hasrat kerajaan memastikan kekuahan ekonomi berterusan. Para peniaga atau pelabur tempatan disarankan melabur keluar negara terutama negara-negara yang membangun seperti China atau Vietnam.

PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Koridor Raya Multi Media

Koridor Raya Multi Media (MSC) adalah kawasan yang dibangunkan berdasarkan industri teknologi maklumat (IT) dan telekomunikasi. Idea penubuhan MSC dicetuskan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana beliau menyedari kepentingan industri IT dan telekomunikasi di peringkat antarabangsa selaras matlamat 2020.

MSC mencakupi kawasan seluas kira-kira 750 km persegi yang meliputi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang (KLIA), pusat pentadbiran baru kerajaan dan bandar raya Information Teknology (IT) di Putrajaya dan bandar raya Multimedia Cyberjaya yang melibatkan pelaburan melebihi RM5 bilion.

Fasa pertama pembangunan prasarana MSC akan menghubungkan KLIA, Cyberjaya dan Putrajaya dengan bandar raya Kuala Lumpur. Fasa kedua pula membabitkan penyambungan terus dari KLIA ke bandar raya Kuala Lumpur.

Ciri-ciri utama MSC ialah menubuhkan rangkaian gentian optik 100 peratus secara digital dan berkeupayaan 2.5 hingga 10 Gigabyte yang disambungkan terus ke negara-negara Asean, Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah yang mampu menawarkan penghantaran data, imej, dan sara gambar video berkelajuan tinggi. Selain

itu, bentuk perhubungan melalui satelit juga diberi penekanan. Pembentukan sistem rangkaian yang padu dan mantap pula dihubung secara terus kepada Sistem Lebuhraya Maklumat Antarabangsa.

Prasarana IT dan telekomunikasi MSC menyaksikan pembangunan kemudahan sektor perniagaan seperti tele-pemasaran, pengeluaran jarak jauh, tele-perbankan dan membeli-belah secara tele.

Projek MSC membolehkan pengguna mengadakan persidangan secara interaktif dengan pegawai kerajaan, membayar bil secara elektronik, pembelian jarak jauh, memeterai perjanjian baru atau menempah barang di kedai dari rumah mereka hanya dengan menggunakan tetikus pada komputer. Selain itu para pekerja pula boleh menghantar menerima dan berkongsi maklumat dengan majikan atau rakan melalui komputer peribadi di rumah tanpa perlu ke pejabat. Terdapat pelbagai perkhidmatan kerajaan dan komersial dicapai melalui persidangan video, internet berkelajuan tinggi, video dalam permintaan (VOD), hiburan dalam permintaan (HOD) dan perpustakaan elektronik.

Penubuhan MSC tidak megetepikan alam sekitar kerana pendekatan mesra alam sekitar menjadi agenda penting pembangunan. MSC memberi ruang kepada syarikat multimedia tempatan membangun produk dan perkhidmatan mereka secara bebas. Kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) juga disediakan dengan peralatan moden.

MSC juga berfungsi sebagai

asas untuk syarikat multimedia tempatan meluaskan perkhidmatan dan produk ke peringkat serantau dan dunia. Kerajaan memberi penekanan kepada pembangunan kepakaran, kewujudan peluang baru serta mempercepatkan pemindahan teknologi dalam bidang perisian, perundingan, integrasi sistem, pembuatan komputer dan perisian daripada syarikat antara bangsa kepada syarikat tempatan.

a. Kerajaan Elektronik

Pembangunan Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya merintis jalan ke arah pembinaan Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia yang mempunyai kelebihan bukan sahaja kepada negara, malah di peringkat antarabangsa.

Melalui pembinaan MSC menjadikan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan akan menggunakan teknologi multimedia untuk dijadikan pusat pentadbiran tanpa kertas. Ini merupakan inisiatif kerajaan Malaysia untuk menjadikan pentadbiran tanpa kertas menjelang tahun 2000.

Semua interaksi dibuat melalui elektronik dan rangkaian multimedia termasuk penyediaan surat beranak, pendaftaran perkahwinan dan lesen memandu. Projek ini menyediakan hubungan 100 000 kakitangan kerajaan dengan sistem multimedia dan melatih menggunakan teknologi ini secara berkesan.

Pembinaan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) yang melibatkan kompleks menara kembar Petronas, pusat pentadbiran

kerajaan Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang menjadi asas kepada satu lagi projek canggih yang dikenali sebagai Cyberjaya.

Cyberjaya terletak di barat Putrajaya yang mencakupi kawasan seluas 7 000 hektar yang dibangunkan khas untuk memenuhi keperluan syarikat-syarikat multimedia yang ditempatkan di MSC. Kerajaan telah merancang bandar raya ini menempatkan pelbagai kemudahan pejabat dan zon rumah perniagaan yang moden.

Cyberjaya akan dilengkapi dengan hotel-hotel peranginan kelas pertama, apartmen lengkap dengan perkhidmatan, rumah dan kondominium dan taman-taman rekreasi serta pusat membeli-belah yang moden.

Cyberjaya dijangka didiami lebih daripada 240 000 penduduk termasuk 10 000 tenaga mahir dan berpengetahuan dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan teknologi maklumat. Cyberjaya jaya akan menghadkan hanya sekitar 35 orang sehektar dan menjadi Zon Aplikasi Perdana (Flagship Zone) untuk MSC.

Selusut 2 800 hektar diperuntukkan untuk memberi inisiatif dan menjadi landasan pembangunan bandar raya pintar yang dilaksanakan dalam zon pertama. Zon ini menjadi pusat pelbagai kegiatan berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan (R & D) dalam IT yang dikendalikan syarikat tempatan dan asing. Segala urusan perniagaan lebih berorientasikan teknologi, sistem dan produk.

Cyberjaya menempatkan pusat percambahan, latihan dan pendidikan syarikat baru untuk melatih para pekerja dan pelajar meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang IT. Oleh itu

terdapat banyak pusat penyelidikan yang dimasukkan ke dalam Cyberjaya seperti Universiti Multimedia, Kompleks Telekom Malaysia, Kompleks PNB Infomations Technology, Kompleks Multimedia TV3, Kompleks R & D Nippon Telegraph &



Memajukan negara menjadi agenda penting Tun Dr. Mahathir

Telephone Corp., termasuklah Hope Plantations Bhd. dan MDC.

Universiti Multimedia dibina di tengah-tengah bandar raya yang menyediakan pendidikan dan latihan peringkat tinggi dan kajian masa hadapan dalam bidang yang berkaitan teknologi maklumat dan multimedia. Universiti ini menjadi satu pemangkin untuk melahirkan lebih ramai pekerja yang dinamik dan berpengetahuan dalam IT.

Memandangkan Cyberjaya sebagai zon aplikasi Perdana, terdapat kemudahan yang canggih untuk memastikan menjadi bandar raya yang termaju. Dari sudut telekomunikasi yang

mempunyai kekuatan 2.5 hingga 10 gigabit yang dibangunkan Telekom Malaysia.

Dari prasarana yang lain Cyberjaya dilengkapi dengan rangkaian lebuh raya yang dinamakan Laluan 2020 dan Laluan Kereta Api Ekspres (ERL) yang menghubungkan KLIA, KLCC dan Putrajaya.

Pada masa yang sama MSC juga menekankan alam sekitar. Persekutuan yang menarik kerana mengekalkan ciri-ciri alam semulajadi yang menarik di samping mempunyai prasarana yang lengkap untuk memastikan Cyberjaya merupakan bandar raya hijau.

Memandangkan MSC terletak di pusat pasaran Asia yang pesat membangun, menyebabkan bandar raya ini menjadi tumpuan semua pihak. Cyberjaya juga dijangka menjadi rujukan untuk memastikan peningkatan teknologi maklumat di rantau ini sehingga menjadikan Malaysia sebagai negara yang termaju pada masa hadapan.

b. Sekolah Bestari

Kelebihan pengurusan maklumat adalah penentu dalam sesuatu organisasi negara atau bangsa

yang mempunyai kelebihan dalam saingan pada abad ke-21. Pembangunan sumber manusia mampu menguasai dan mempelopori teknologi maklumat.

Sekolah Bestari (Smart School) merupakan usaha Kementerian Pendidikan dalam menyediakan sumber manusia untuk abad ke-21 dan menjamin sebuah negara benar-benar maju menjadi realiti. Falsafah asas Sekolah Bestari ialah untuk membangun keupayaan pelajar supaya mampu berfikir dengan lebih inovatif, kreatif dan analitikal.

Sekolah Bestari turut melibatkan keupayaan belajar melalui penggunaan teknologi maklumat (IT) khasnya multimedia di samping menguasai teknologi itu sendiri. Sekolah Bestari membolehkan penerokaan dan pembangunan potensi pelajar melalui kemahiran berfikir dan kemudahan teknologi yang disediakan.

Sekolah Bestari dikelaskan sebagai sekolah abad ke-21 atau sekolah masa hadapan. Konsep Sekolah Bestari lebih bercorakkan pendekatan kehidupan masyarakat dan bukan satu alat yang hanya menerima arahan menjalankan kerja berulang kali. Manusia menerima, meneroka dan mengolah maklumat yang berbeza-beza secara global supaya individu dapat mengubah reaksi untuk mempelopori perubahan.

Sekolah Bestari ditentukan melalui gabungan dan pengolahan faktor kurikulum, guru, teknologi dalam mereka bentuk sekolah serta persekitaran yang boleh merangsang daya fikiran dan kemampuan kanak-kanak. Sekolah Bestari ini juga memerlukan perubahan kepada cara pe-

periksaan dijalankan supaya boleh mengukur tahap keupayaan berfikir dan bukan berdasarkan ingatan.

Selain itu, guru bestari mampu membimbing kanak-kanak untuk menerokai bidang pelajaran masing-masing dengan bantuan yang minimum. Tugas guru bukan setakat pengajar tetapi lebih kepada fasilitator. Sehubungan ini bentuk-bentuk pengajaran dan pembelajaran dibangunkan melalui perisian komputer yang mudah diperoleh melalui internet dan sebagainya. Adalah wajar seorang guru terlebih dahulu mengetahui bidang tersebut.

Persekuturan pembelajaran yang memberangsangkan minda dan fizikal. Ini bermakna perubahan paradigma dalam mereka bentuk sekolah perlu ada. Reka bentuk Sekolah Bestari harus selesa dan fleksibel serta mampu disesuaikan dengan perubahan teknologi dan keperluan pendidikan. Persekuturan sekolah harus konduksif dengan ciri-ciri landskap dan kemudahan yang boleh mewujudkan suasana yang memberangsangkan minda dan perkembangan fizikal pelajar.

c. Talian Perubatan

Talian Perubatan merupakan satu sistem perubatan yang dilaksanakan di negara ini. Talian perubatan ini juga mencakupi aspek-aspek pembelajaran jarak jauh tentang kesihatan, perundingan secara remote, diagnosis, rekod pesakit dan rangkaian perubatan elektronik.

Malaysia menjadi pusat kecermerlangan dalam bidang ini. Talian Perubatan dijangka siap pada tahun 1998 dan hospital pertama melalui teknologi ini dibina di Selayang, Selangor dan secara perintis menggunakan sistem multimedia.

d. Pusat Pembangunan Dan Penyelidikan

Malaysia menjadi pusat Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) melalui sistem multimedia dengan kerjasama beberapa buah badan dan universiti. Kerajaan telah menggiatkan pelbagai jenis barang yang mempunyai potensi di pasaran. Antara barang yang mendapat pasaran dari luar negara adalah barang elektrik dan elektronik, kenderaan, barang berdasarkan kimia dan sebagainya.

Penyelidikan dan perindustrian yang terkandung dalam Pelan Induk Perindustrian Negara yang merujuk kepada proses meningkatkan hasil pengeluaran. Dengan adanya pusat penyelidikan (R & D) lebih menjurus kepada teknologi yang berasaskan sumber, bioteknologi, sains dan teknologi bahan, teknologi kimia, teknologi kejuruteraan dan pengeluaran, fizik gunaan, sains dan teknologi pengusaha asing.

e. Kad Pelbagai Guna Kebangsaan

Kad Pelbagai Guna Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai kad pintar merupakan satu produk yang dikeluarkan untuk memudahkan pelbagai pengurusan yang berkaitan profil seorang. Kad pintar boleh dijadikan sebagai kad pengenalan, kad kredit, kad telefon, kad urus niaga dan sebagainya. Kad pintar menyimpan data atau maklumat dalam satu mikrocip yang kecil yang terdapat pada kad tersebut.

Kad pintar mengandungi unit pemprosesan pusat (central prosessing unit atau CPU). Kad ini hanya boleh menyimpan data dan maklumat yang diakses dan dikesan pada bila-bila masa

sehingga mampu membuat keputusan sendiri berasaskan keperluan pemilik kad tersebut. Kad pintar jenis ini boleh dibawa pada bila-bila masa atau memasukkan maklumat tentang individu secara berterusan.

f. Pusat Pemasaran Tanpa Sempadan

MSC dijangka mempunyai pelanggan di pelbagai kawasan pertumbuhan yang paling tinggi di Asia Pasifik. MSC adalah landasan penting untuk operasi pelanggannya seperti telemarketing, sokongan teknikal, kerja pejabat, pemprosesan data dan berbagai-bagai lagi.

Proses ini sudah pasti akan memudahkan urusan perniagaan dilakukan. Oleh itu ahli perniagaan dari Malaysia dapat menjalankan perniagaan ke luar negara dengan lebih mudah lagi.

g. Pengeluaran Sedunia Web

MSC dijadikan pusat kawalan dan penyelidikan kawalan untuk operasi seperti rangkaian reka bentuk pengeluaran dan pusat pengedaran. Memandangkan penggunaan MSC lebih murah, peningkatan yang tinggi dari segi prestasi informasi dan rangkaian logistik dan pelbagai lagi boleh dihubungkan ke seluruh dunia sehingga 24 jam sehari dan 365 hari setahun.

Hubungan yang dilakukan secara telekomunikasi membolehkan syarikat mengawal operasi secara terus seperti pembangunan produk, kastam, pengeluaran, pemasaran dan pengedaran di serata dunia

melalui pusat MSC. Ini sudah pasti menjimatkan masa dan kos untuk berhubung antara satu sama lain.

Taman Botani Putrajaya

Taman Botani Putrajaya menyajikan kekayaan alam tumbuh-tumbuhan tropika untuk dihayati, mempunyai 700 spesies tumbuh-tumbuhan berasal dari 90 buah negara yang akan memberi peluang kepada rakyat mengenali beberapa jenis tumbuhan yang menarik di dunia dengan lebih dekat.

Di dalam taman itu rakyat berpeluang mengenal lanskap semula jadi yang terdiri daripada tumbuh-tumbuhan asli kawasan utama tropika dengan merentasi Titian Kanopi, Denai Helikonia, Taman Suria, Koleksi Tanaman Afrika dan Koleksi Tanaman Amerika.

Dengan keluasan 93 hektar, Taman Botani terletak di tengah-tengah Pusat

Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Ketika memasuki kawasan tersebut, pengunjung terlebih dahulu tiba di Pusat Pelawat dan berpeluang belajar dalam suasana menyeronokkan.

Rakyat boleh mencuba batu ajaib yang setiap batu mengeluarkan bunyi berlainan apabila dipijak. Selain itu boleh melalui rumput hijau tiruan yang tepinya terdapat beberapa kuntum bunga matahari juga tiruan yang akan berpusing ke arah individu mengikut haba.

Di Bukit Palma akan menemui lebih daripada 50 spesies pokok palma seperti palma daun payung, palma kipas cina dan rotan. Koleksi Tanaman Afrika pula memperkenalkan tumbuhan yang berasal dari Afrika. Semarak Api dan pokok pumbago boleh juga dilihat di taman tersebut.

Koleksi Tanaman Amerika memperkenalkan pokok Amerika Tropika. Kebanyakan spesies diperkenalkan oleh orang Portugis dan Sepanyol pada abad



Putrajaya menjadi pusat pentadbiran berdasarkan IT negara

ke-16. Pokok bunga merak juga dikenali sebagai 'pride of Barbados' dan pokok kemboja.

Kemudian di Terowong Bunga Kertas, rakyat berjalan di bawah naungan tanaman bunga kertas. Pokok ara atau beringin dilihat di Koleksi Tanaman Asia Pasifik yang

merupakan salah satu sumber makanan utama sesetengah hidupan liar di Asia.


Keunikan Taman Suria terletak pada koleksi tumbuh-tumbuhan yang memerlukan cahaya matahari penuh dan ditanam dalam genahar buatan. Terdapat sebuah mercu tanda berupa obelisk lengkap dengan jam suria melambangkan pentingnya hubungan masa dengan alam tumbuhan.

Pokok brunfeisia yang warna bunga bertukar setiap hari daripada ungu menjadi merah jambu dan seterusnya putih. Daripada sinilah timbul namanya semalam, hari ini dan esok.

Koleksi siantan dan bunga raya beraneka warna dapat dilihat di Pesisiran tasik. Laluhan Kana mempamerkan koleksi pokok kana atau bunga tasbih yang berasal dari Amerika. Kana yang ditanam di sini merupakan hybrid

yang menghasilkan bunga yang besar dan berwarna-warni.

Perjalanan akan mengimbas

An aerial photograph of the Petronas Twin Towers in Kuala Lumpur, Malaysia. The two iconic skyscrapers stand tall against a hazy sky. In the foreground, there's a large green park with winding paths and a few small lakes. To the left, a massive white dome-shaped building, likely the National Mosque, is visible. The surrounding city is filled with numerous other modern buildings and roads.

Pembangunan Malaysia adalah inisiatif Perdana Menteri Malaysia yang berwibawa

kembali zaman silam apabila melalui Taman Paku Pakis. Paku Pakis telah wujud sejak 200 juta tahun dahulu dan mengeluarkan spora untuk pembiakan.

Taman Botani merupakan dunia ketenangan yang mampu membawa kembali ke pangkuan alam semula

jadi dan memperlihatkan betapa penting dan eratnya hubungan manusia dengan tumbuh-tumbuhan. Taman ini dibuka dari pukul 9.00 pagi hingga 7.00 malam. Masuk ke taman Botani ini adalah percuma dan hanya dikenakan bayaran sebanyak RM2.00 sekiranya ke Pameran Interaktif.

EKONOMI NEGARA

Sistem Ekonomi Terbuka

Malaysia merupakan sebuah negara mewujudkan yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka. Oleh itu Malaysia amat bergantung kepada hasil eksport yang semestinya terdedah kepada perkembangan ekonomi dunia.

Sejak Malaysia diterajui oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, negara dalam tempoh lima tahun mengalami kemelesetan ekonomi. Ini disebabkan pada era 1980-an, ekonomi dunia mengalami penurunan. Malaysia masih bergantung kepada komoditi seperti getah, kelapa sawit, kayu balak dan bijih timah turut mengalami tempiasnya.

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyedari bahawa komoditi yang ada di Malaysia mempunyai harga yang rendah dan tidak stabil. Kadang-kadang komoditi ini menghasilkan lebihan keluaran. Beliau juga menyatakan kebanyakan komoditi negara banyak bergantung kepada sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif yang dikenakan negara-negara maju. Semua ini akan menjadikan eksport negara.

Order Baru Ekonomi Dunia

Usul Order Baru Ekonomi Dunia diperoleh daripada Persidangan Khas ke-6, PBB pada tahun 1974. Usul itu dibuat untuk membetulkan ketidaksamaan susunan ekonomi antarabangsa bagi menghapuskan jurang antara negara mewujudkan dengan

negara maju.

Dalam perbincangan itu sebanyak lima perkara yang dibentangkan iaitu rundingan semula beban hutang luar negara ketiga, penentuan semula syarat perdagangan, perluasan pasaran barang dunia ketiga, pemindahan teknologi dan pemberian bantuan kepada negara mewujudkan.

Namun demikian beban yang dihadapi negara mewujudkan terus meningkat. Malaysia yang ketika diterajui oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya mengekang kenaikan hutang luar negara kepada tahap yang membimbangkan pada tahun tahun 1980-an hingga 1990-an.

Sehubungan dengan itu Perdana Menteri Malaysia telah membuat pelbagai perjanjian tentang sesuatu komoditi supaya tidak terjejas keluaran dan pasarannya.

Oleh itu kumpulan Malaysia yang juga tergolong dalam negara mewujudkan telah menuntut supaya mewujudkan tabung bersama yang berjumlah 6 000 juta dolar. Ini adalah untuk menstabilkan harga komoditi melalui kendalian stok penimbal.

Malaysia juga menyertai pakatan negara-negara pengeluar petroleum seperti yang ditubuhkan Pertubuhan Negara-negara Pengekspor Petroleum atau Organisation of Petroleum Exporting Countries - OPEC.

Begitu juga dengan penubuhan Negara Pengeluar Bijih Timah atau Association of Tin Producing Countries ATPC untuk menstabilkan harga bijih timah di pasaran dunia. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga memainkan peranan penting dalam menuntut perluasan pasaran negara-negara maju dan



beliau memainkan peranan penting dalam setiap pertubuhan atau rundingan yang melibatkan dua belah pihak.

Antara peranan yang dimainkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah tentang Kerjasama Ekonomi Antarabangsa, UNCTAD, Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund - IMF), Perjanjian Am

Malaysia mencipta nama di arena antarabangsa

mengurangkan sekatan tarif terhadap barang yang diproses. Dengan itu akan memulihkan eksport barangan dunia ketiga.

Dialog Utara-Selatan

Dialog Utara-Selatan adalah satu proses rundingan antara negara-negara membangun yang terletak di selatan dengan negara-negara maju yang terletak di utara. Sebagai negara selatan, Tun Dr. Mahathir Mohamad meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai daya saing yang cukup hebat selaku peneraju negara-negara membangun.

Tun Dr. Mahathir Mohamad terus memastikan Malaysia mempunyai pembangunan yang seimbang dan menjadi contoh kepada negara-negara selatan yang kebanyakannya masih mundur. Oleh itu



Hubungan erat dengan pelbagai pemimpin luar negara



Turut membantu menjaga keamanan negara

tentang Tarif dan Perdagangan, dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Semua persidangan ini dihadiri oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dilihat sebagai seorang pemimpin yang berfikiran jauh, terbuka dan mempunyai visi dalam usaha mencari kemajuan. Oleh itu suara Tun Dr. Mahathir Mohamad amat diberi perhatian oleh kebanyakan pemimpin dunia.

EKONOMI ANTARABANGSA

G-15

G-15 telah diasaskan oleh 15 buah negara membangun termasuk Malaysia. G-15 ditubuhkan pada tahun 1989 yang dianggotai Algeria, Argentina, Brazil, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mesir, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela, Yugoslavia dan Zimbabwe.

Semasa sidang kemuncak diadakan pada kali pertama, Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dilantik menjadi pengurus. Persidangan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Jun 1990.

Semasa perbincangan diadakan, G-15 mengenal pasti 13 buah projek dalam pelaksanaan. Antara projek itu mekanisme kewangan, pembiayaan perdagangan, forum perniagaan dan pelaburan, dan pengukuhan GSTP, penukaran data pelaburan dan sebagainya.

Selain itu negara-negara anggota juga bersetuju untuk menubuhkan Pusat Penukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan atau SITTDEC di Kuala Lumpur yang kemudian dibina ibu pejabat pada Januari 1992. Tujuan penubuhan itu adalah untuk menyediakan mekanisme untuk mempertingkatkan perdagangan, pemindahan teknologi dan sebagainya.

Ekoran daripada itu Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menandatangi perjanjian Peraturan

Pembayaran Dua Hala dengan negara-negara anggota seperti Venezuela, Mexico, Nigeria dan lain-lain.

Perundingan Ekonomi Asia Timur

Tun Dr. Mahathir Mohamad ingin melihat kejayaan negara telah mengusulkan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur atau East Asia Economic Caucus (EAEC) pada bulan Disember 1990. Kemudian beliau membuat cadangan susulan ketika Menteri-menteri Ekonomi ASEAN ke-23 bermesyuarat dengan memasukkan EAEC sebagai projek ASEAN. Hanya apabila sidang kemuncak ASEAN yang berlangsung di Singapura pada tahun 1992, barulah persetujuan antara negara ASEAN diperoleh.

Tun Dr. Mahathir Mohamad turut mencadangkan supaya negara Jepun, Korea Selatan, China, Taiwan dan Hong Kong menyertai EAEC. Ini disebabkan penubuhan EAEC adalah menyediakan forum perundingan berhubung isu-isu ekonomi dan perdagangan antara ASEAN dengan Asia Timur.

Penubuhan EAEC yang diusulkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah untuk menghadkan campur tangan negara-negara Barat dalam perdagangan yang melibatkan ASEAN. Namun begitu Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa EAEC bukanlah blok perdagangan, sebaliknya kumpulan perundingan untuk negara-negara ahli. Tun Dr. Mahathir Mohamad menyaksikan bahawa EAEC penting kerana kemunculan kumpulan serantau yang kedapatan di bahagian lain dunia seperti NAFTA, EEA dan sebagainya. Selain itu perkembangan ekonomi di Asia Timur amat menggalakkan.

Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik

Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik atau Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) ditubuhkan di Canberra, Australia pada tahun 1989. Pertubuhan tersebut dianggotai oleh 21 buah negara dari Amerika Utara, Rusia, Amerika Selatan, dan Asia.

Objektif penubuhan APEC adalah untuk memajukan bidang perdagangan secara bebas dan mengeratkan hubungan ekonomi antara ahli. Sekretariat APEC terletak di Singapura dan beroperasi secara consensus. Oleh itulah APEC adalah satu perundungan yang longgar.

Hubungan Negara-negara Islam

Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang menitikberatkan hubungan dengan negara-negara Islam. Oleh sebab itu Malaysia memainkan peranan aktif dalam Pertubuhan Persidangan Islam (Organisation of Islamic Conference - OIC) yang bermatlamatkan untuk memupuk semangat perpaduan dan kemajuan umat Islam.

Malaysia di bawah pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad sering menganjurkan pelbagai persidangan antara negara-negara Islam dengan menyokong beberapa projek pembangunan seperti Bank Pembangunan Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan lain-lain.

Selain itu Malaysia memainkan peranan penting dalam menghadapi konflik Iran - Iraq melalui OIC. Oleh itu

Malaysia pernah menyertai pasukan tentera pemerhati PBB dengan dianggotai 15 orang pegawai untuk memastikan gencatan senjata antara Iran - Iraq pada tahun 1988.

Selain itu, Malaysia juga memberi sokongan kuat terhadap perjuangan rakyat Palestin. Oleh itulah Malaysia pernah menjadi tuan rumah persidangan Keserantauan Asia tentang nasib Palestin di Kuala Lumpur pada tahun 1983.



Sentiasa memperjuangkan hak-hak rakyat Palestin

Sokongan terhadap nasib perjuangan Mujahiddin juga mendapat tempat di kalangan pemimpin negara terutama Tun Dr. Mahathir Mohamad. Oleh itulah Malaysia memberi kebebasan kepada Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur pada tahun 1984.

Zon Ekonomi Eksklusif

Pada tahun 1982, satu konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah memperkenalkan undang-undang laut. Undang-undang tersebut menyatakan bahawa hak eksklusif setiap negara yang berpotensi adalah seluas 321 km yang dikenali sebagai Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE).

Dengan pengenalan ZEE ini negara-negara yang mempunyai kawasan pantai yang luas mempunyai hak untuk mengeksplorasi dan menggunakan sumber-sumber alam, perikanan dan petroleum di kawasan tersebut.

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menuntut hak ke atas ZEE yang merangkumi laut sejauh 321 km dari pantai di Laut China Selatan namun ditentang oleh Brunei, Filipina, Vietnam dan China.

Namun begitu atas kebijaksanaan Tun Dr. Mahathir Mohamad ZEE negara dapat diperluaskan. Bahkan pada tahun 1987, Malaysia dan Thailand telah menandatangani perjanjian untuk meneroka bersama laut dalam.

Pendirian Terhadap Isu Antartika

Tun Dr. Mahathir Mohamad yang ketika itu baru menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia selama setahun telah menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap Antartika. Suara ketidakpuashan itu diluahkan ketika beliau menghadiri Perhimpunan Agung PBB pada bulan September 1982.

Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan lantang berkata Antartika

alah warisan bersama manusia. Oleh itu kawasan tersebut perlu ditadbir bersama dan bukannya atas sesuatu pihak sahaja.

Ketika itu pengurusan Antartika dijalankan oleh negara-negara yang menjadi ahli Perjanjian Antartika 1959. Antartika yang mempunyai potensi bekalan bahan gantian seperti besi, nikel, arang batu, minyak dan sebagainya menjadi rebutan semua pihak. Oleh itu semua bahan tersebut harus dirasai oleh semua negara juga.

Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga berpendapat bahawa Antartika penting untuk ekologi kerana Antartika mempengaruhi cuaca dunia. Oleh itu kawasan sejuk itu perlu dipelihara dengan baik. Kelantangan suara Tun Dr. Mahathir Mohamad itu menyebabkan banyak negara yang bukan ahli Sistem Perjanjian Antartika menyokong beliau.

Tiga tahun kemudian Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membuat draftetapan pertama dalam Perhimpunan Agung PBB mengemaskinikan dan melakukan kajian terhadap Antartika. Usul tersebut telah diterima tanpa bangkangan.

Pergerakan Negara-negara Berkecuali

Pergerakan Negara-Negara Berkacuali (Non-Aligned Movement-NAM) ditubuhkan pada tahun 1961 yang disertai negara-negara Asia, Afrika dan Amerika Latin. Matlamat utamanya adalah untuk menghormati hak asasi manusia dan prinsip Piagam PBB. Selain itu NAM juga mengakui persamaan semua bangsa dan negara, menggalakkan tangan negara-negara kuasa besar dan lain-lain.

Malaysia yang dipimpin oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad menyokong kuat dasar NAM dan sering menghadiri persidangan yang dianjur oleh NAM. Selain membuka pejabat perwakilan Malaysia juga telah menjalin hubungan yang rapat dengan negara-negara anggota.

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyuarakan berbagai-bagai pendapat dalam memartabatkan dan melindungi negara-negara NAM daripada kuasa-kuasa besar. Malaysia sering mengadakan persidangan NAM untuk mencari penyelesaian menangani konflik yang berlaku di dunia seperti di Persidangan NAM pada tahun 2003.

Dasar Aparteid

Sejak dahulu lagi Malaysia menentang dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan yang menafikan hak-hak masyarakat kulit hitam. Pendirian ini dipegang oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi Perdana Menteri Malaysia sejak tahun 1981 lagi. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menentang dasar tersebut kerana prinsip untuk melindungi hak-hak manusia, penindasan terhadap golongan kulit hitam oleh golongan minoriti kulit putih dan bukan penduduk asal pula.

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyokong perjuangan African National Congress yang dipimpin oleh Nelson Mandela. Beliau dengan berani telah menentang dasar Aparteid di Persidangan Negara-Negara Komanwel yang diadakan pada Oktober 1987 di Vancouver.

Ekoran daripada kecaman itu Rejim Pretoria telah menghapuskan jurang perbezaan antara kulit hitam dengan kulit putih. Namun begitu pada bulan April

1994, satu pilihan raya secara demokrasi diadakan dan Nelson Mandela dilantik menjadi Presiden Afrika. Sejak itu hubungan antara Malaysia dengan Afrika menjadi lebih baik.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah ditubuhkan di San Francisco, Amerika Syarikat pada 24 Oktober 1945. Kini ibu pejabat PBB terletak di New York.

Objektif penubuhan PBB ialah mengekalkan keamanan dunia, menggalakkan kerjasama dalam pelbagai bidang antara negara anggota dan melindungi hak asasi manusia tanpa mengira kaum. Selain itu, PBB juga mempunyai beberapa agensi seperti FAO, ILO, UNCTAD, WHO, Bank Dunia dan UNESCO.

Sebagai negara yang merdeka, Malaysia menganggotai PBB setelah mencapai kemerdekaan. Selain itu, Malaysia juga menganggotai agensi yang merupakan cabang PBB.

Sepanjang pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, penglibatan Malaysia dalam PBB dianggap paling berkesan. Malaysia bukan sahaja dikenali sebagai negara membangun yang paling berdaya maju, tetapi mempunyai pemimpin yang berketrampilan.

Suara Tun Dr. Mahathir Mohamad sering berkumandang di persidangan PBB yang acap kali mengkritik pelbagai isu tentang masalah sejagat. Suara inilah yang digeruni oleh pemimpin-pemimpin kuasa besar.

Dengan kelantangan Tun Dr.

Mahathir Mohamad memainkan isu dunia, tidak hairanlah Malaysia telah menjadi ahli Majlis Keselamatan PBB selama beberapa tahun seperti pada tahun 1989-1990 dan 1999-2000.

Selain itu Tun Dr. Mahathir Mohamad juga sering melibatkan negara dalam pelbagai isu penting tentang keamanan seperti me-

Pada tahun 1991, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga terlibat dalam United Nation Iraq-Kuwait yang mana gencatan senjata dan zon pemisah diadakan.

Tun Dr. Mahathir Mohamad turut melibatkan diri dalam United Nations Protection Force pada tahun 1992 yang bertujuan mengawasi gencatan senjata di Bosnia Herzegovina. Selain itu banyak



Hubungan rapat dengan Nelson Mandela

nyertai United Nation Transitional Assistance Group (UNIIMOG) di Namibia pada tahun 1989-1990 yang bertujuan mengawasi pilihan raya serta kemerdekaan Namibia.

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga turut menghantar anggota keselamatan dalam United Nation Iran-Iraq 1988-1991 yang bertujuan mengawasi gencatan senjata antara kedua-dua buah negara.

lagi isu-isu yang melibatkan ketenteraan yang sememangnya disokong penuh oleh Dr. Mahathir Mohamad dalam penglibatan Malaysia. Ini adalah sebagai jalan untuk memastikan dunia dalam keadaan aman.

Komanwel

Malaysia adalah sebuah negara yang pernah dijajah British. Oleh itu Malaysia

turut menganggotai Komanwel iaitu sebuah pertubuhan negara merdeka yang pernah dijajah British. Pusat pentadbiran adalah di London. Objektif penubuhan Komanwel adalah untuk mengeratkan hubungan antara negara anggota dalam pelbagai bidang.

Sejak Malaysia dipimpin oleh pemimpin yang berkebolehan, peranan yang dimainkan oleh Dr. Mahathir Mohamad amat penting. Jika para pemimpin lain memasukkan Malaysia dalam pertubuhan tersebut sebagai langkah keselamatan, namun Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengubah persepsi tersebut dengan lebih menyeluruh lagi.

Dalam persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang diadakan pada tahun 1989 dan mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Komanwel (CPFM) pada tahun 1991 yang diadakan di Kuala Lumpur telah menyerahkan kebolehan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam CHOGM, dengan lantang Dr. Mahathir Mohamad telah membangkitkan isu ekonomi iaitu negara-negara membangun sering menjadi mangsa negara-negara maju. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga menyatakan bahawa negara-negara maju telah menentukan aliran perdagangan dunia. Bahkan terdapat beberapa negara yang mengamalkan double-standard dalam pembelian barang negara membangun.

Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mengkritik dasar Aparteid dengan lantangnya. Oleh itu satu pernyataan Kuala Lumpur tentang Dasar Aparteid Afrika Selatan dibincangkan secara bersama. Dalam Deklarasi Langkawi juga, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengajak

masarakat dunia supaya bersatu padu menjaga alam sekitar. Begitu juga ketika beliau menghadiri sidang CHOGM di Harare, Zimbabwe pada tahun 1991.

Ketika sidang CHOGM diadakan di New Zealand pada tahun 1995, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dipilih sebagai Kumpulan Bertindak Komanwel Peringkat Menteri. Tugas ini adalah untuk menilai pelaksanaan dan amalan demokrasi antara negara anggota. Bahkan yang paling membanggakan apabila Malaysia dijadikan model oleh Komanwel ketika melaksanakan Tabung Penswastaan Baru Komanwel yang bertujuan membantu negara-negara miskin.

ASEAN

ASEAN atau juga dikenali sebagai Persatuan Negara-negara Asia Tenggara ditubuhkan di Bangkok pada 8 Ogos 1967 yang ketika itu dianggotai Malaysia, Thailand, Filipina, Indonesia dan Singapura. Kemudian pada tahun 1984, Brunei turut menyertai ASEAN disusuli Vietnam pada tahun 1995, Laos dan Myanmar tahun 1997 dan Kemboja tahun 1999. Penubuhan ASEAN adalah sebagai rakan kongsi dalam urusan yang melibatkan ekonomi, politik dan kepentingan bersama.

Keamanan Sejagat

Dr. Mahathir Mohamad, memainkan peranan yang aktif dalam memastikan ASEAN sebagai sebuah persatuan yang aktif dalam isu sejagat. Misalnya Malaysia memainkan peranan penting

dalam menjayakan konsep Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) yang diwujudkan pada Disember 1995. Dalam perjanjian itu setiap buah negara anggota diharamkan daripada membeli, mengangkut, mengilang atau menggunakan senjata nuklear. Hanya dengan ini ASEAN bebas daripada senjata nuklear.

Selain itu satu Forum Serantau ASEAN yang diadakan pada tahun 1994 turut dihadiri oleh negara-negara lain yang menjadi rakan dialog. Forum itu membahaskan kepentingan kestabilan ASEAN daripada ancaman ketenteraan. Oleh itu forum tersebut

Eropah. Dalam hal ini Tun Dr. Mahathir Mohamad melihat forum tersebut sebagai satu prospek untuk memastikan ASEAN bebas daripada keganasan kuasa-kuasa besar dunia.

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN

Sejak Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia, ekonomi negara telah menunjukkan tahap yang membanggakan. Oleh itu beliau menggalakkan perdagangan dilakukan antara negara-negara ASEAN dengan lebih menyeluruh lagi.

Oleh itu satu mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN ke-23 yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1991 telah merumuskan persetujuan menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas (AFTA) dalam tempoh 15 tahun. Dalam perjanjian tersebut, AFTA boleh melaksanakan Skim Tarif Keistimewaan Sama Rata yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1993. Tarif tersebut adalah 5% ke bawah. Namun begitu tempoh tarif tersebut dikurangkan 10 tahun dalam mesyuarat ASEAN pada tahun 1994. Walaupun terdapat pengurangan masa, namun Tun Dr. Mahathir Mohamad melihat keadaan ini masih memuaskan. Ekoran daripada itu jumlah dagangan telah meningkat kepada 34% sepanjang pengenalan AFTA.

Pelaburan ASEAN

Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) telah dimeterai oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada 7 Oktober 1999. Tujuan penubuhan kawasan tersebut adalah untuk menggalakkan aliran masuk pelaburan langsung antara negara anggota atau bukan dari negara anggota sebagai satu wadah pelaburan

Berganding bahu dengan pemimpin Asean yang lain

turut dihadiri oleh negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, Rusia, China dan Kesatuan

yang kompetitif dan terbuka.

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melihat penubuhan AIA sebagai satu prospek untuk menggalakkan aliran modal, tenaga mahir dan teknologi berkembang secara bebas antara negara ASEAN. Hanya dengan cara itu pelaburan akan menjadi lebih telus dan bersepudu antara negara anggota.

Pengawasan ASEAN

Pada tahun 1997, menyaksikan ASEAN tidak terlepas daripada serangan spekulator mata wang yang menyebabkan banyak negara terjejas. Oleh

itu rundingan proses pengawasan ASEAN (ASP) telah diadakan pada 4hb. Oktober 1998 antara menteri-menteri kewangan.

Dengan adanya ASP, dapat mengelakkan krisis kewangan menerusi pengendalian sistem amaran awal dan pengawasan ekonomi serantau. Ini disebabkan ASP mencakupi penukaran pandangan dan maklumat antara negara dalam kewangan. Hanya dengan itu sahaja ASEAN mampu terlepas atau sekurang-kurang tidak terjejas teruk seperti yang dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap Malaysia.

FORUM ANTARABANGSA

Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang lantang bersuara dalam menegakkan kebenaran. Kehadiran beliau bukan sahaja mewakili Malaysia, tetapi negara-negara membangun yang lain.

Dalam forum antarabangsa, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyatakan pendapat beliau berdasarkan pandangan semua negara. Antaranya beliau telah menyatakan ketidakpuashatian dalam beberapa aspek.

Berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau PBB, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan pertubuhan itu sering di manupulasikan oleh negara-negara kuasa besar. Lebih-lebih lagi dengan adanya kuasa veto di kalangan lima buah negara seperti Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Rusia dan China. Dengan adanya kuasa veto itu, bermakna suara-suara dari negara lain terutama negara-negara membangun sering diketepikan.

Kemunculan Tun Dr. Mahathir Mohamad menyuarakan pendapat melalui ucapan di beberapa persidangan antarabangsa. Beliau bukan sahaja bijak bersuara tetapi juga dikagumi oleh para pemimpin dunia dalam isu yang cukup sensitif terutama yang mempertikaikan peranan kuasa-kusa besar dalam mengimbangi kestabilan dunia.

Dalam isu yang berkaitan dengan Komanwel, Tun Dr.

Mahathir Mohamad telah menyuarakan pandangannya dengan mengatakan pertubuhan itu tidak lagi relevan. Ucapan yang disampaikan di Nassau, Bahamas menyatakan bahawa Komanwel telah gagal untuk menyelesaikan beberapa isu yang dialami negara-negara anggota.

Tujuan penubuhan Komanwel di peringkat awal adalah untuk memberi faedah kepada negara bekas jajahan Britain, tetapi sebaliknya memberi kepentingan kepada beberapa buah negara maju sahaja. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mengingatkan bahawa Komanwel haruslah mempraktikkan maksud pertubuhan itu sendiri iaitu kemakmuran bersama terutama di kalangan negara-negara miskin.

Antara isu yang harus diselesaikan ialah masalah Apartheid. Masalah tersebut berlanjutan beberapa tahun sehingga masyarakat kulit hitam hidup tertindas. Seharusnya negara-negara Komanwel sepakat untuk menangani masalah tersebut.

Selain itu Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mempunyai pandangan terhadap Pergerakan Negara-negara Berkecuali atau NAM. Jika dahulu kewujudan NAM adalah untuk mengekalkan keamanan dan kesimbangan ekonomi, kini tidak lagi mempraktikkannya terutama yang berkaitan dengan hubungan dua hala antara negara-negara NAM.

Kebanyakan negara-negara anggota dari kalangan negara-negara utara sering mengaut keuntungan sehingga negara-negara selatan mengalami kerugian apabila hubungan ekonomi dijalankan. Ini disebabkan kedapatan negara-negara NAM tidak mempunyai sumber hasil sendiri sehingga negara mereka masih di takuk lama.

Dalam isu Palestin juga Tun Dr. Mahathir Mohamad tetap bersuara lantang. Beliau banyak menyuarakan ketidakpuashatian terhadap kekejaman rejim Israel yang tidak habis-habis membuli rakyat Palestin. Lebih-lebih lagi rejim tersebut dilindungi oleh saudaranya, Amerika Syarikat.

Rejim Israel sering menggunakan ketenteraan untuk mendapatkan tanah, rumah dan sebagainya. Bagi Amerika Syarikat pula, perbuatan tersebut adalah untuk mempertahankan hak.

Sekali lagi Tun Dr. Mahathir Mohamad bersuara lantang dalam menidakkannya ketidakadilan negara maju itu. Dasar demokrasi yang dilaungkan itu langsung tidak dimilikinya. Ini disebabkan negara tersebut sanggup menggunakan kekerasan untuk menyelesaikan masalah tanpa tahu ber-diplomasi. Dengan teguran itulah yang

menjadikan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin yang lantang lagi berani.

Selain itu Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mengetengahkan ancaman tentera Soviet Union terhadap Afghanistan. Negara tersebut telah diancam peperangan oleh sebuah negara yang berkuasa di dunia.

Sebagai negara yang mempunyai kuasa veto dan mempunyai bala tentera yang ramai lagi kuat, seharusnya berasa malu apabila menyerang negara miskin. Oleh itu Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan Soviet Union bukanlah negara yang menjaga keamanan seperti yang dikehendaki oleh PPB sebaliknya menjadi ancaman kepada negara-negara kecil yang lain.

CABARAN DALAM PERJUANGAN

Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai cabaran. Kebanyakan cabaran yang diterima itu ditimbulkan oleh para pengkritik yang tidak berpuas hati dengan perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri.

Antara cabaran pertama dialami sebaik sahaja menjawat jawatan Perdana Menteri ialah apabila beliau dikatakan antara individu terkaya di dunia. Ramai para pengkritik yang mengakui kekayaannya, walaupun semua tuduhan itu tiada kebenarannya. Namun begitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad me-



Memperjuangkan nasib bangsa

nyatakan semua tuduhan itu adalah polemik politik. Beliau langsung tidak mengendahkan

kerana tiada kebenarannya.

Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga dikatakan mengamalkan rasuah sehingga menjawat jawatan tertinggi dalam pentadbiran negara. Bagi para pengkritik, mereka percaya dengan dakwaan tersebut. Sungguhpun demikian, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak termakan dengan tuduhan melulu itu. Cara itu adalah sebagai taktik kotor pihak pembangkang untuk menjatuhkan beliau dalam pilihan raya.

Selain itu masalah ekonomi yang dihadapi negara juga dikaitkan dengan kejatuhan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Misalnya beberapa barang utama negara seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit telah jatuh di pasaran antarabangsa. Ramai pengkritik yang mengatakan kejatuhan harga barang tersebut adalah disebabkan kelanggungan

suara Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam beberapa isu antarabangsa. Oleh itu banyak negara-negara pengimpor seperti negara Barat yang membikot barang tersebut.

Selain itu Tun Dr. Mahathir Mohamad juga terpaksa berhadapan dengan para pengkritik yang berhubungan dengan media massa negara-negara Barat. Misalnya Tun Dr. Mahathir Mohamad dijadikan sasaran media Barat seperti BBC (British Broadcasting Corporation) yang merumuskan perkembangan politik Tun Dr. Mahathir Mohamad secara emosional.

Kebanyakan isu-isu yang dikemuka-

kan oleh media Barat bukanlah di atas penelitian terhadap kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, tetapi disogokkan oleh golongan yang tidak berpuas hati dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Oleh itulah mereka bebas menabur fitnah yang mengatakan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengamalkan kuku besi atau tidak berdemokrasi.

Satu lagi isu yang mengejutkan beliau ialah apabila majalah Far Eastern Economic Review (FEER) menyiaraskan artikel yang menyatakan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad membuat rundingan dengan Sultan Brunei untuk menjual Limbang kepada negara tersebut. Berita ini amat memeranjatkan beliau dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Namun masalah itu kembali reda apabila FEER mengakui kesilapan dan memohon maaf kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Namun begitu sepanjang penglibatan beliau, banyak cabaran yang telah dilalui olehnya. Sungguhpun Tun Dr. Mahathir Mohamad mengetahui bahawa beliau bukanlah pemimpin sempurna, tetapi sebagai seorang pemimpin, cabaran yang dilalui telah menjadikan beliau sebagai seorang pemimpin yang matang sepanjang era pemerintahannya.

Pemikiran Politik

Sepertimana yang diketahui, UMNO lahir lebih dari 50 tahun yang lalu dan berkembang menjadi teguh di bawah para pemimpinnya. Semua ini hasil perpaduan dan kerjasama di kalangan anggota-anggota UMNO. Di samping itu pengekalan UMNO adalah disebabkan kebebasan yang bertanggungjawab.

Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi pemimpin bertanggungjawab

ingin melihat UMNO berkembang dengan maju sebagai sebuah organisasi yang berkalisir. Oleh itu beliau tidak lupa menasihatkan ahli-ahli UMNO supaya menjaga keutuhan parti dan memahami rukun serta tatasusila parti dalam menjalankan tindak-tanduk mereka.

Dalam perkembangan UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga terkenal sebagai pemimpin yang cukup sensitif terhadap pergolakan yang berlaku. Oleh itu perasaan tidak puas hati harus diluahkan di dalam saluran-saluran yang telah ditetapkan.

Tun Dr. Mahathir Mohamad sering mengingatkan bahawa UMNO tidak wujud untuk pemimpinnya kerana para pemimpin adalah sementara. Pemimpin yang berkarisma seperti Tun Dr. Mahathir Mohamad penting untuk kestabilan UMNO. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mengingatkan bahawa pemimpin tidak perlu dipertahankan semata-mata kerana pemimpin kerana kelemahan kepimpinan tidak ada manfaat daripada pertubuhan yang lemah.

Adalah menjadi satu hakikat bahawa tiap-tiap satu generasi adalah bertanggungjawab terhadap zamannya. Justeru itu adalah penting kepimpinan sesuatu generasi selaras dengan zamannya. Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan bahawa aspek tersebut perlu kerana pemimpin serta satu-satu generasi hanya akan dapat difahami oleh generasi tersebut. Beliau yakin perkara ini dapat dipertanggungjawabkan kepada generasi muda untuk dilaksanakan dengan sebaik-sebaiknya.

Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa kekuahan

sesebuah parti akan dapat dicapai sekiranya gejala-gejala negatif dapat dihapuskan. Oleh itu Tun Dr. Mahathir Mohamad sering menyatakan bahawa asas perjuangan UMNO terletak pada sikap patriotik dan kasih sayang kepada bangsa, agama dan tanah air.

Tun Dr. Mahathir Mohamad sering berkata bahawa seseorang yang benar-benar dianggap pemimpin adalah bertanggungjawab dan tahu menilai di antara kebaikan dan keburukan. Bukan pemimpin yang mementingkan kejayaan diri sendiri walaupun untuk mendapatkan populariti.

Sejak kerajaan melancarkan sistem demokrasi, ramai pemimpin yang mampu dilahirkan. Ini kesan daripada syarat penglibatan pemimpin dalam sistem demokrasi yang tidak membataskan pelajaran sebagai asas utama. Namun begitu yang penting kemampuan atau keupayaan mereka melahirkan idea-idea yang difikirkan berfaedah untuk semua.

Tun Dr. Mahathir Mohamad yang memandang berat terhadap masalah berkaitan orang Melayu, turut berasa bimbang sekiranya fenomena tersebut berterusan. Oleh itu setiap rakyat tidak harus melupakan sumbangan yang diberikan UMNO.

Musuh Dalam Selimut

Suatu ketika dahulu amat mudah membezakan antara musuh dan kawan. Namun begitu pada masa kini amat sukar untuk mengecamnya. Ada juga rakan yang setia berkemungkinan bertanggungjawab dalam menyebarkan atau

mengkritik semua perbuatan UMNO kepada pihak lawan.

Oleh itu Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa musuh dalam selimut sukar dikesan. Ini disebabkan bahawa pihak musuh yang menukar taktik dan menyamar sebagai penyokong UMNO. Terpengaruh dengan sokongan itu sehingga pemimpin UMNO tidak menganggap mereka itu sebagai musuh tetapi sebagai penyokong pula walaupun tujuan utama untuk menghancurkan UMNO.

Sekiranya keadaan ini terjadi terdapat ahli UMNO yang sanggup menerima sokongan musuh tersebut dan kemudian ahli UMNO pula yang menjadi peyokong orang tersebut untuk mengecam UMNO. Oleh itu hilanglah kekuatan UMNO, sekali gus menjadi gelanggang untuk menimbulkan ketidakpuashatian antara para pemimpin. Oleh itu Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya sekiranya tidak ditangani akan menyebabkan UMNO menjadi forum perbahasan sahaja.

Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah berkata, "Mereka membuat berbagai-bagi analisa yang kononnya berilmiah dan mereka juga menonjolkan masalah dan perkara yang perlu diperjuangkan oleh UMNO demi, bukan sahaja kebaikan orang Melayu dan UMNO tetapi demi kebahagiaan UMNO sendiri. Malangnya kadangkala apa yang dilakukan oleh mereka jauh menyimpang daripada apa yang diucapkan."

Kebolehan Pemimpin Muda

Kepimpinan dalam demokrasi menjadi satu perkara rumit dan bertentangan prinsip asas demokrasi. Pemimpin perlu

memimpin rakyat. Namun begitu di sebaliknya demokrasi berkehendakkan supaya pendapatnya diikuti. Di sinilah timbulnya kekeliruan.

Kehendak pemimpin masa kini tidak sama seperti zaman UMNO dahulu. Usaha pihak musuh UMNO dan perubahan inilah yang mencetuskan keadaan yang sememangnya bertentangan dengan pemimpin.

Bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad, kebanyakannya pemimpin hari ini adalah bersifat oportunistis yang cuba menggunakan pendapat ramai bagi mendapat pengaruh. Oleh itu beliau mengingatkan pemimpin yang berguna dan mempunyai kebolehan yang lebih daripada yang lain. Kebolehan yang dimiliki mestilah berasaskan pengetahuan yang lebih. Melalui pengetahuan ini pemimpin dapat menilai sesuatu yang lebih tepat.

Adalah tidak dinafikan Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang berani mempertahankan pendapat dan melaksanakannya walaupun acap kali menimbulkan kontroversi. Misalnya dalam pilihan raya UMNO 1978 untuk menentukan pemilihan calon-calon wanita dan pemuda bagi menggantikan calon lama, membuktikan kebenaran kata-katanya. Baginya, pilihan raya bukan sahaja mencatat sejarah, tetapi memberi peluang kepada calon-calon wanita dan pemuda menunjukkan ketramplinan mereka.

Ketika pendapat itu diusulkan, ramai pemimpin UMNO sendiri yang tidak bersetuju. Mereka berpendapat bahawa pemindahan kuasa kepada generasi muda perlukan masa yang panjang. Ada juga yang berpendapat penentuan pemimpin akan mewarisai kuasa, perlu dibuat selepas pemimpin

lama mengundur diri.

Tun Dr. Mahathir Mohamad tetap dengan ideanya. Beliau sering mengingatkan bahawa parti mestilah ada prinsip perjuangan yang tetap dan tertentu. Perubahan secara radikal akan menjadikan parti itu lain sama sekali iaitu parti yang asal secara tidak langsung digantikan dengan pemimpin yang muda.

Namun begitu Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan pemindahan kepimpinan tidak akan menyekat penyerapan idea baru yang sesuai dengan prinsip parti. Namun begitu kepimpinan baru yang diterajui Tun Dr. Mahathir Mohamad tetap membawa perubahan.

Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan supaya pemimpin-pemimpin muda tidak terlalu lantang untuk mempersoalkan sesuatu perkara yang berkaitan dengan semangat kemelayuan. Oleh itu dalam erti kata perjuangan UMNO juga turut memperjuangkan kepentingan kaum lain juga.



Pemimpin yang disegani

Berpegang Teguh Kepada Islam

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga berpegang teguh kepada ajaran agama Islam menyentuh peranan agama Islam dalam menentukan kekuahan parti UMNO. Seperkara yang harus diberikan perhatian oleh beliau ialah perkembangan tafsiran agama menyeluruh.

Oleh itu Tun Dr. Mahathir telah memberikan contoh negara-negara dan bangsa yang lebih dahulu Islam dan kukuh pegangan mereka kepada agama Islam boleh menolak agama Islam dan menjadi komunis setelah salah menyalahafsirkan agama mengikut kehendak mereka.

Justeru itu tidak hairanlah segelintir pemimpin yang mengatakan bahawa Islam adalah sosialisme asli dan ada yang berkata Islam adalah ideologi. Kekeliruan wujud dengan mudahnya kumpulan anti-Islam merebut kuasa.

Namun begitu yang lebih membimbangkan ialah gejala tersebut akan mempengaruhi sebilangan pemimpin yang berkurangan iman sehingga melahirkan keadaan yang tidak stabil. Aliran tersebut bukan sahaja berbahaya kepada pertubuhan UMNO sebagai parti politik tetapi juga kepada orang Islam sendiri dan kepada orang Melayu.

Peningkatan Taraf Hidup

Menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad, kebanyakan Bumiputera

mendapat nikmat daripada Dasar Ekonomi Baru. Sebelum Dasar Ekonomi Baru dilancarkan bilangan Bumiputera yang mendapat pelajaran tinggi adalah sedikit. Apabila kerajaan melancarkan Dasar Ekonomi Baru, ramai Bumiputera yang mendapat pelajaran tinggi dan memperoleh pendapatan yang lumayan berbeza daripada pendapatan ibu bapa mereka.

Tun Dr. Mahathir Mohamad berpendapat bahawa kebahagiaan dan keserasian hidup bukan berlandaskan kekayaan material semata-mata tetapi kerana ada nilai-nilai yang lebih tinggi yang boleh memberi kebahagiaan dan ketenangan jiwa. Namun kekayaan material tidak harus dinafikan.

Ekonomi Bumiputera

Sejak terlancarnya Dasar Ekonomi Baru, ekonomi kaum Bumiputera mula megorak langkah dan berkembang dalam



Menggalakkan pertumbuhan industri yang berdaya saing

pelbagai bidang ekonomi. Ekoran itu kerajaan telah menetapkan pada tahun 1990 sebagai tercapainya matlamat 30% ekuiti ekonomi negara dikuasai kaum Bumiputera.

Tun Dr. Mahathir Mohamad meng-

galakkan supaya kaum Bumiputera bergiat dalam bidang ekonomi walaupun matlamat itu amat besar. Namun begitu Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin bahawa Bumiputera mampu mencapainya.

Dalam bidang perdagangan dan perindustriasn, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyarankan agar Bumiputera menubuhkan projek-projek bercorak perindustrian, memiliki saham-saham di dalam projek perindustrian dan menjadi pengedar barang-barang keluaran kilang. Pelbagai peraturan yang diperkenalkan untuk memberi peluang dan kesempatan kepada Bumiputera menyertai bidang-bidang tersebut. Sungguhpun pencapaian Bumiputera masih rendah tetapi masih ada peningkatan yang membanggakan.

Bagi melengkapkan kaum Bumiputera agar setanding kaum-kaum lain, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memberi latihan dan pimpinan yang khas kepada Bumiputera. Pusat Daya Pengeluaran Negara ditubuhkan untuk mewujudkan golongan penyelia-penyalia dan pengurus-pengurus Bumiputera yang terlatih di bidang teknik-teknik pengurusan moden.

Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya, kelemahan Bumiputera amat ketara dalam bidang pengurusan. Bagi mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan, kecekapan mengurus mestilah ada di kalangan Bumiputera.

Sekiranya terdapat kerjasama

antara pihak kerajaan, swasta, pertubuhan-pertubuhan seperti Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu dan Bumiputera, kejayaan akan tercapai.

Sebagai Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tahu kehendak rakyat. Beliau sememangnya wajar menuntut diadakan kemudahan prasarana, sekolah dan berbagai-bagi kemudahan yang lain. Bagi membiayai kemudahan tersebut, cukai yang dikutip daripada perusahaan-perusahaan dan cukai-cukai dapat dikutip dari syarikat dan yang mempunyai untung untuk diedar kepada rakyat keseluruhannya. Cukai yang dikenakan kepada syarikat tidak mempunyai taraf perintis ialah sebanyak 40% dicampur dengan 5% cukai pembangunan.

Apabila ekonomi Bumiputera telah menjadi masalah negara, pelbagai kaedah telah dilakukan, namun masalah tersebut masih berterusan. Oleh itu kerajaan Malaysia telah mengadakan setiap tahun konvensyen, seminar dan bengkel tetap diadakan untuk membincangkan masalah tersebut.

Pelbagai alasan dikemukakan setelah cadangan mereka gagal. Ini sudah tentu menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat yang sememangnya mempunyai perasaan benci kepada orang atas yang mempunyai kedudukan tinggi.

Sejak pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad sepanjang 22 tahun, banyak pembangunan yang dilakukan. Pembangunan merangkumi pelbagai dasar yang semuanya untuk memajukan negara sebagai sebuah negara terunggul di dunia.

Pembangunan yang dilakukan adalah seimbang dari segi pencapaian negara, hasil komoditi, pembentukan manusia yang berdaya maju dan penyediaan prasarana yang lengkap. Bahkan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional, disusun tanpa mengira kaum dan merupakan satu susunan masyarakat yang seimbang.

Selain itu beliau amat menggalakkan kewujudan masyarakat yang saksama melalui pembasmian kemiskinan dan pengurangan ketidakseimbangan di kalangan kumpulan etnik serta wilayah. Ini penting untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan memperkuatkan sumber pertumbuhan, institusi kewangan dan korporat serta pengurusan ekonomi makro.

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga sentiasa mempertingkatkan daya saing untuk menghadapi cabaran

globasasi dan liberalisasi, membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan sebagai satu langkah strategik untuk meningkatkan nilai tambah bagi semua sektor ekonomi dan mengoptimumkan daya pemikiran rakyat. Bahkan yang paling penting ialah mengukuhkan pembangunan sumber manusia untuk menghasilkan tenaga kerja yang cekap, produktif dan berpengetahuan dan meneruskan pembangunan alam sekitar yang mapan untuk meneguhkan pertumbuhan jangka panjang.

Sehubungan itu setiap kaum perlu bersama-sama berganding bahu demi perpaduan negara. Pengenalan kaum harus dihapuskan agar rakyat dapat bersatu sebagai satu bangsa Malaysia. Segala bentuk unsur polarisasi kaum perlu dikawal. Penyatuan di kalangan rakyat memerlukan masyarakat yang tenteram, berjiwa bebas dan berkeyakinan.

Setiap rakyat harus ditanamkan dengan semangat ketahanan. Ketahanan ertiinya kekuatan, kekentalan, keanjalan dan seumpama yang harus dimiliki oleh seseorang. Rakyat yang tahan ini ialah orang yang kuat, kental dan anjal sama ada dari segi fizikal, mental, rohani dan psikologi.

Dengan adanya sifat-sifat sedemikian, sudah pasti Malaysia menjadi negara maju dua dekad dalam alaf baru. Inilah yang akan diwarisi oleh para pemimpin dan generasi masa hadapan untuk melihat Malaysia setanding dengan negara maju yang lain.